Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DARIPADA Jabir bin Abdillah ia berkata :
Aku mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :
"Zikir yang paling mulia ialah Lailahaillallah dan doa yang paling baik ialah Alhamdulillah". (Riwayat Al-Imam Ibnu Majah).

| WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK | 4.35 | SUBUH | 4.45 | SYURUK | 6.10 | DUHA | 6.34 | ZUHUR | 12.23 | ASAR | 3.49 | MAGHRIB | 6.34 | ISYAK | 7.50 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 74 | 21 JUN 2025 / 1446 ذوالحجة 24 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU PERCUMA

# MEMBENTUK GENERASI BELIA BERIMAN, BERAKHLAK MULIA



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan berucap pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Akhir yang diadakan di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Al-Quran adalah petunjuk hidup sejagat dan belia yang cemerlang ialah mereka yang menjadikan Al-Quran sebagai panduan hidup, bukan sekadar untuk dibaca dan dilagukan, tetapi juga untuk dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad seterusnya menjelaskan, kita mahu membina sebuah generasi belia Brunei yang seimbang yang bukan sahaja cemerlang dalam akademik, profesional dan kemahiran tetapi juga teguh nilai moral dan spiritualnya.

"Maka itu, program ini menjemput penyertaan dari belia yang datang daripada pelbagai latar belakang pengajian dan kerjaya, agar mereka turut merasai keindahan mendekati dan mempelajari Al-Quran," jelas Yang Berhormat pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Akhir yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Menurut Yang Berhormat, amalan membaca Al-Quran secara konsisten dan menghayati ayat-ayat suci Al-Quran dapat meningkatkan ketenangan jiwa dan mengurangkan tekanan emosi serta meredakan perasaan gelisah, cemas dan stres.

>> Muka 3

## Usaha teruskan penglibatan belia melalui Jerayawara AIPA

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**TUNGKU LINK**, Rabu, 18 Jun. - Perhimpunan Agung ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) petang tadi mengadakan Jerayawara AIPA Ke-16 yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro Canselor, UBD, di sini.

Selaras dengan Pelan Strategik AIPA 2024-2030, Jerayawara AIPA merupakan sebahagian daripada komitmen AIPA untuk meningkatkan kesedaran dan kefahaman awam terhadap AIPA serta objektifnya, terutamanya dalam kalangan belia di seluruh rantau ASEAN.

Lebih daripada sekadar memupuk kesedaran, Jerayawara AIPA Ke-16 berkenaan menampilkan sesi dialog eksklusif bersama Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

>> Muka 5

## Dialog bantu tingkatkan kefahaman, memacu komitmen bersama

**Oleh : Marlinawaty Hussin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Usaha ke arah pelaburan bertanggungjawab dan mampan dalam sektor makanan, pertanian dan perhutanan menjadi tumpuan Dialog Parlimen Kebangsaan mengenai Mempromosi Pelaburan Bertanggungjawab dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan, yang berlangsung pagi tadi di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Dianjurkan oleh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan Perhimpunan Antara Parlimen ASEAN (AIPA) dengan kerjasama Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO), Institut Antarabangsa bagi Pembangunan Mampan (IISD) dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Dialog menghimpunkan lebih 40 peserta termasuk Ahli-ahli MMN, agensi kerajaan, pengusaha pertanian, institusi pendidikan, sektor swasta serta rakan serantau.

Dialog tersebut membuka ruang kepada perbincangan pelbagai pihak berkaitan pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI dalam konteks dasar, amalan terbaik dan kerjasama rentas sektor yang menyokong pembangunan pertanian yang lebih inklusif dan berdaya tahan.

>> Muka 4

## Memperkukuhkan peranan wanita dalam kepimpinan, penggubalan dasar

**Oleh : Khartini Hamir**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 18 Jun. - Komitmen Negara Brunei Darussalam dalam memperkasa penyertaan wanita dalam kepimpinan politik terus diperkukuhkan melalui Dialog Parlimen Kebangsaan 'National Parliamentary Dialogue on Promoting Women's Political Participation and Leadership (WPPL)' yang berlangsung pagi tadi di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.

Dianjurkan bersama oleh Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA), dengan kerjasama Pertubuhan UN Women dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), acara ini menjadi wadah interaktif yang menghimpunkan Ahli-ahli MMN, agensi kerajaan, masyarakat sivil dan rakan serantau dalam usaha menyokong peranan wanita dalam kepimpinan dan penggubalan dasar.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**PELANCARAN** jaket pemandu pelancong baharu
Muka 7


**BENTUK** kemahiran dalam tadbir urus, kewangan, kepimpinan
Muka 13


5 warga tempatan ditahan atas kegiatan penyeludupan dadah
Muka 18


RENCANA
**INTERAKSI** berkongsi pengalaman, peluang, perkembangan semasa
Muka 21

PELITA BRUNEI



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman berucap pada Majlis Persidangan Antarabangsa Psikologi Gunaan dan Pedagogi (International Conference On Applied Psychology And Pedagogy - ICAPP 2025) pada Isnin, 19 Zulhijah 1446 Hijrah bersamaan 16 Jun 2025 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

# Ilmu psikologi, pedagogi lahirkan generasi berwawasan masa hadapan

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Aalameen,**
**Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen,**
**Sayyidinaa Muhammadin,**
**Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,**
**Waba'du.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**ALHAMDULILLAH** *Wasyukru Lillah.* Kita disempatkan Allah dan dengan izin-Nya jua kita dapat hadir di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Psikologi Gunaan dan Pedagogi (International Conference on Applied Psychology and Pedagogy - ICAPP2025) yang julung kali diadakan di Brunei Darussalam. Untuk itu kita ucapkan tahniah kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang menganjurkannya.

Saya menyambut baik dan berasa amat sukacita dengan penganjuran persidangan ini sebagai wadah ilmu yang boleh memberikan kefahaman yang jelas kepada guru-guru dan bakal guru tentang ilmu psikologi dan pedagogi serta mempertingkatkan kemahiran mereka dalam kedua-dua bidang ilmu tersebut.

Apa yang diharapkan dari persidangan ini juga ialah supaya guru-guru di Negara Brunei Darussalam berupaya mengaplikasikan amalan psikologi dan pedagogi dan seterusnya mampu mengintegrasikan kedua-dua ilmu tersebut dalam kerjaya mereka dengan baik dan berkesan dalam misi mereka sebagai guru untuk melahirkan generasi berwawasan yang mampu mendepani cabaran-cabaran masa hadapan yang lebih kompleks dan lagi mencabar.

Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas kehadiran dan kerjasama delegasi AsTEN dalam merealisasikan penganjuran persidangan ini.

*First and foremost, I would like to express my highest appreciation and heartfelt thanks to the KUPU SB and its international strategic partner, the Association of Southeast Asian Teacher Education Network (AsTEN), for organizing this highly meaningful ICAPP 2025.*

*On this occasion also, I would like to express my utmost appreciation and gratitude for the presence and cooperation of the AsTEN delegation in making this conference a reality.*

*With their wealth of knowledge, the educational experts attending this conference will contribute significantly by sharing new ideas, experiences and insights. Their involvement will be instrumental in helping participants discover the most effective pedagogical strategies and psychological applications in teaching.*

Sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada KUPU SB sebagai penganjur persidangan ini: Ra'es, pengerusi dan semua Ahli Jawatankuasa Kerja serta pihak yang telah memberikan komitmen, sumbangan tenaga dan buah fikiran dalam menjayakan penganjuran ICAPP 2025. Semoga persidangan ini akan mencapai objektif yang dihasratkan.

Akhirnya, dengan mengucapkan kalimah mulia, ucapan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya dengan ini merasmikan ICAPP 2025 anjuran KUPU SB dengan kerjasama AsTEN.

Sekian.

*Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**APA yang diharapkan dari persidangan ini juga ialah supaya guru-guru di Negara Brunei Darussalam berupaya mengaplikasikan amalan psikologi dan pedagogi dan seterusnya mampu mengintegrasikan kedua-dua ilmu tersebut dalam kerjaya mereka dengan baik dan berkesan dalam misi mereka sebagai guru untuk melahirkan generasi berwawasan yang mampu mendepani cabaran-cabaran masa hadapan yang lebih kompleks dan lagi mencabar.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| MASIHI (Jun) | HARI | HIJRAH (Zulhijah) | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 21 | SABTU | 24 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 22 | AHAD | 25 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 34 | 12 . 23 | 3 . 49 | 6 . 34 | 7 . 50 |
| 23 | ISNIN | 26 | 4 . 35 | 4 . 45 | 6 . 10 | 6 . 35 | 12 . 24 | 3 . 50 | 6 . 35 | 7 . 51 |
| 24 | SELASA | 27 | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 11 | 6 . 35 | 12 . 24 | 3 . 50 | 6 . 35 | 7 . 51 |
| 25 | RABU | 28 | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 11 | 6 . 35 | 12 . 24 | 3 . 50 | 6 . 35 | 7 . 51 |
| 26 | KHAMIS | 29 | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 11 | 6 . 35 | 12 . 24 | 3 . 50 | 6 . 35 | 7 . 51 |
| 27 | JUMAAT | 1 Muharam | 4 . 36 | 4 . 46 | 6 . 11 | 6 . 35 | 12 . 24 | 3 . 50 | 6 . 35 | 7 . 51 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 33 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Bangar | 33 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Pekan Tutong | 33 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |
| Kuala Belait | 33 25 °C | 31 25 °C | 33 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

21 JUN 2025

### Tingkatkan komitmen, kesungguhan tangani isu penyalahgunaan dadah

**PENYALAHGUNAAN** dadah adalah musuh nyata kepada negara, masyarakat dan agama. Ia bukan sahaja merosakkan fizikal dan mental malah menghancurkan maruah, mengheret keluarga ke dalam penderitaan dan memporak-perandakan masyarakat.

Selain itu, penyalahgunaan dadah juga boleh mengakibatkan meningkatnya perlakuan jenayah dalam masyarakat seperti mencuri, merompak, peras ugut, mencederakan orang lain dan membunuh. Oleh yang demikian, jelas bahawa ketagihan dadah boleh membawa kepada masalah mental yang mengakibatkan bekas pengguna dadah hilang keseimbangan dan keupayaan untuk berfikir secara normal.

Perkara tersebut antara yang ditekankan menerusi Khutbah Jumaat pada minggu ini.

Dalam khutbah juga menyentuh mengenai keadaan gejala penyalahgunaan dadah terus berlaku dan memberi kesan buruk kepada masyarakat, kerajaan tetap tidak melepaskan tanggungjawab. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukkan kewangan bagi menangani gejala penyalahgunaan dadah.

Ini termasuklah penyediaan pusat rawatan dan pemulihan bagi membantu memulihkan bekas pengguna dadah. Pelbagai pendekatan pemulihan dan juga program-program disediakan kepada mereka bagi membantu dan menunjukkan kaedah-kaedah kepada mereka untuk menghindarkan diri daripada terus bergantung pada aktiviti menyalahgunakan dadah.

Dalam proses menuju kepulihan, pelbagai aspek perlu diberikan perhatian, di antaranya memupuk keyakinan dan jati diri serta hala tuju dan komitmen untuk membuat perubahan ke arah kehidupan yang positif. Ini kerana pemulihan bukanlah satu proses yang mudah. Ia memerlukan kekuatan dalaman, bimbingan dan sokongan luaran terutamanya daripada keluarga dan masyarakat.

Aktiviti pengedaran dadah terkawal tidak menjamin masa depan seseorang dan ia bukan satu jalan penyelesaian dalam menghadapi masalah kewangan atau bagi menjana pendapatan dalam menyara kehidupan seharian ataupun keluarga. Mengedar dadah terkawal akan memberikan impak negatif kepada masyarakat dan juga memusnahkan kestabilan dan keselamatan negara. Akhir-akhir ini juga sering mendengar dengan berita mengenai tangkapan-tangkapan yang dibuat oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) dalam membanteras penyalahgunaan dadah.

Masyarakat sendiri perlu sedar dan peka dengan keadaan semasa dalam sama-sama menolong serta berperanan penting, baik dalam institusi keluarga dan berganding bahu dalam membanteras ancaman penyalahgunaan dadah demi menjaga kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan juga negara.

Marilah sama-sama kita melindungi dan memelihara diri kita, keluarga dan masyarakat daripada dipengaruhi oleh dadah agar kehidupan lebih harmoni dan sejahtera. Dalam usaha membanteras gejala ini, marilah semua peringkat masyarakat sama-sama meningkatkan komitmen, kesungguhan dan kepercayaan sepenuhnya demi mencapai objektif menangani isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam. **– Ketua Penyuntingan (Ad)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراغ، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نڬارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Membentuk generasi belia beriman, berakhlak mulia

>> Muka 1

Yang Berhormat seterusnya menambah, membaca Al-Quran bukan sahaja memenuhi tuntutan agama, bahkan ia juga merupakan satu jalan untuk membina kecemerlangan diri secara menyeluruh.

"Dengan membaca Al-Quran juga, kita akan memperoleh syafaat pada hari kiamat.

"Sepertimana dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "*Bacalah Al-Quran. Sebab, ia akan datang memberikan syafaat pada hari Kiamat kepada pembacanya.*" (Hadis Riwayat Ahmad)," kata Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan yang dilaksanakan pada setiap tahun berkenaan amatlah signifikan dalam usaha kita untuk membudayakan pembacaan, pemahaman dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan belia Brunei, seiring dengan hasrat Negara Brunei Darussalam untuk membentuk sebuah Negara Zikir yang berlandaskan ajaran Islam Ahli Sunnah Waljamaah.

"Lebih daripada sebuah pertandingan tilawah, musabaqah ini merupakan wadah penting dalam membentuk generasi belia yang beriman, berakhlak mulia, serta mampu menjadi pemimpin masyarakat yang unggul.

"Inisiatif ini juga selari dengan dengan usaha menjayakan Dasar Belia Negara dan Strategi 2020 hingga 2035, yang menekankan pembangunan belia secara holistik dari sudut akal, jasmani dan rohani, berpaksikan prinsip Melayu Islam Beraja dan Maqasid Syariah," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata, tahun ini juga sangat bermakna kerana kita bakal menyambut Hari Belia Kebangsaan Ke-20, iaitu pada 1 Ogos 2025, dan ini menandakan dua dekad usaha berterusan dalam memperkasa belia sebagai tonggak masa depan negara.

Lebih menggembirakan tambah Yang Berhormat lagi, musabaqah kali ini mencatat penyertaan tertinggi, iaitu seramai 93 peserta, termasuk 41 peserta baharu dan ini satu pencapaian yang amat membanggakan dan menggambarkan peningkatan minat serta kecintaan belia terhadap Al-Quran.

Yang Berhormat juga menjelaskan bahawa musabaqah berkenaan terbuka kepada semua belia, tanpa mengira latar belakang akademik mahupun bidang pengajian.

# AWANG ZAINAL MUSTAPA, DAYANG NAJLA' SABREENA JOHAN MUSABAQAH TILAWATIL QURAN BELIA

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Awang Zainal Mustapa bin Jaluddin dan Dayang Najla' Sabreena binti Haji Abdul Rajid masing-masing diumumkan sebagai johan qari dan qariah pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Akhir yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), di sini.

Johan qari memperoleh markah sebanyak 89.5 peratus, manakala johan qariah pula memperoleh markah sebanyak 90.25 peratus.

Sementara naib johan qari disandang oleh Awang Mohammad Hamiz Mirza bin Haji Sudirman dengan markah 89.13 peratus manakala tempat ketiga ialah Awang Muhammad Nur Asymawi bin Awang Asli dengan markah 88.75 peratus.

Bagi naib johan dan tempat ketiga qariah pula masing-masing disandang oleh Dayangku Akma Nabilah binti Pengiran Haji Jofri dengan markah 86.25 peratus dan Dayang Nur Amal Atiqah@Aida binti Haji Sudirman dengan markah 85.13 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kepada para pemenang, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat, Ketua Kampung Subok; Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan KKBS; Ketua Pegawai Sumber Tenaga Manusia, Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB), Dayang Sharifah Ratna binti Haji Syed Abdul Rahim serta pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan yang merupakan peserta Belia Program Journey to The Holy Site for Arabic and Islamic Countries Youth di Arab Saudi, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim selaku Pengerusi Majlis.

Pada majlis berkenaan, tetamu kehormat majlis juga menyampaikan ucapan.

Peringkat akhir musabaqah memperdengarkan bacaan daripada 10 peserta, iaitu lima qari dan lima qariah termasuk johan menunggu qari dan qariah Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Tahun 2024.

Majlis turut menyaksikan Persembahan Tausyeh Belia daripada Kumpulan Tausyeh Dhafwatul 'Aisy dan diteruskan dengan pengumuman keputusan musabaqah yang disampaikan oleh Pengiran Dr. Haji Amiruddin bin Pengiran Haji Damit selaku Pengerusi Jemaah Hakim Musabaqah berkenaan.

Johan qari dan qariah masing-masing menerima piala pusingan, hadiah iringan, sijil penyertaan, wang tunai BND3,000, Akaun Simpanan Persaraan bernilai BND700 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Manakala naib johan qari dan qariah masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan, wang tunai BND2,000, Akaun Simpanan Persaraan bernilai BND350 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Sementara tempat ketiga qari dan qariah pula masing-masing menerima hadiah iringan, sijil penyertaan, wang tunai sejumlah BND1,000, Akaun Simpanan Persaraan bernilai BND250 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Bagi peserta qari dan qariah yang menerima hadiah sagu hati membawa pulang hadiah iringan, sijil penyertaan, wang tunai BND500 dan Akaun Simpanan Persaraan bernilai BND100 sumbangan Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd. dan Darussalam Holdings Sdn. Bhd.

Pada tahun ini, seramai 93 peserta telah mendaftarkan diri bagi mengikuti musabaqah berkenaan.

Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan anjuran KKBS kelolaan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) yang dilaksanakan sejak 1980-an telah berjaya melahirkan banyak qari dan qariah belia yang berkaliber dan seterusnya mampu bersaing di peringkat yang lebih tinggi.

Di samping itu, ia juga berperanan sebagai wadah kepada qari dan qariah belia di negara ini untuk melihat keupayaan dan prestasi masing-masing khususnya dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu atau tarannum.

Antara tujuan musabaqah diadakan adalah bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan pada tahun 1996.

Selain untuk menyediakan wadah bagi melahirkan qari dan qariah belia yang berpotensi tinggi sebagai pelapis qari dan qariah Negara Brunei Darussalam, ia juga untuk mempertingkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan belia serta memupuk dan menyemai rasa persahabatan dalam kalangan peserta belia melalui program keagamaan, di samping itu bagi persediaan pemilihan wakil negara ke Musabaqah Tilawatil Quran Belia Asia Tenggara anjuran KKBS.




**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada johan qari pada majlis berkenaan.**





**SEBAHAGIAN yang hadir pada Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan 1446 Hijrah / 2025 Masihi Peringkat Akhir yang berlangsung di Dewan Digadong, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (kiri dan kanan).**

PELITA BRUNEI

# DIALOG BANTU TINGKATKAN KEFAHAMAN, MEMACU KOMITMEN BERSAMA




**DIALOG Parlimen Kebangsaan mengenai Mempromosi Pelaburan Bertanggungjawab dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

>> Muka 1

Majlis pembukaan dimulakan dengan ucapan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Lau How Teck; Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Wakil FAO di Indonesia dan Timor-Leste dan Penyelaras FAO bagi ASEAN, Rajendra Aryal; dan Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab.

Ucapan - ucapan tersebut menekankan komitmen bersama sebagai pemacu yang akan dapat menjamin keselamatan makanan, kesejahteraan masyarakat dan kelestarian alam sekitar.

Turut ditekankan bahawa kejayaan pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI bergantung kepada kerjasama erat semua pihak termasuk ahli parlimen khususnya Ahli MMN, agensi pelaksana, sektor swasta dan komuniti akar umbi.

Yang Berhormat Awang Lau How Teck dalam ucapannya berkata, dialog tersebut adalah penting memandangkan negara-negara di rantau ini terus mencari jalan untuk memperkukuh sistem makanan, melindungi sumber semula jadi serta memastikan pelaburan dalam sektor pertanian dan perhutanan membawa nilai jangka panjang kepada ekonomi, rakyat dan alam sekitar.

Menurut Yang Berhormat, sektor pertanian kekal sebagai bidang utama di bawah strategi Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk mempelbagaikan ekonomi.

"Walaupun sektor minyak dan gas terus menyokong pertumbuhan negara, usaha untuk memperkukuh sekuriti makanan dan membangunkan industri berasaskan agro telah menunjukkan kemajuan yang berterusan," jelas Yang Berhormat.

Perkara ini, tambah Yang Berhormat lagi, dapat dilihat dalam Rancangan Strategik semasa kementerian dan juga perkara yang telah dilaksanakan, melalui inisiatif-inisiatif pertanian baharu, pelaburan dalam fasiliti pemprosesan serta penglibatan dalam kalangan golongan belia dan usahawan yang semakin meningkat dalam bidang pertanian.

"Ia mengingatkan kita bahawa keuntungan ekonomi semata-mata tidak mencukupi dan pelaburan haruslah inklusif, mampan serta berasaskan kepentingan para petani, komuniti, dan ekosistem secara jangka panjang," kata Yang Berhormat.

Sesi pertama dialog berkenaan memberi tumpuan kepada kefahaman dasar dan pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI serta perkembangannya di peringkat serantau dan kebangsaan. Pembentangan disampaikan oleh wakil-wakil daripada Pertubuhan FAO, Sekretariat ASEAN, MMN, Parlimen Kemboja dan KSSUP.

Pembentangan berkenaan menekankan mengenai keperluan pelaburan pertanian yang lebih inklusif, bertanggungjawab dan sejajar dengan keutamaan negara.

Dalam pembentangan, Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin menggariskan peranan institusi parlimen terutama MMN dalam menyokong dasar yang menjamin kepada keseimbangan ekonomi, sumber yang mampan, dan manfaat kepada komuniti tempatan.

Sementara itu, Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, Awang Haji Noor Azri bin Haji Mohd. Noor, dalam pembentangannya telah mengongsikan inisiatif negara dalam memperkukuh rantaian nilai, meningkatkan pemprosesan hiliran dan pematuhan piawaian keselamatan makanan melalui sokongan infrastruktur dan kerjasama pelbagai pihak.

Perbincangan panel pada akhir sesi dialog disertai oleh beberapa ahli panel iaitu Yang Berhormat Awang Lau How Teck; Ahli Parlimen Dewan Rakyat Malaysia, Yang Berhormat Oscar Ling Chai Yew; Penolong Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, KSSUP, Awang Hirman bin Haji Abu; dan Pengasas Mori Farm, Awang Lim Jun Hong.

Sesi ini membincangkan mengenai cabaran dan pemaju dalam pelaksanaan ASEAN RAI serta kepentingan penyelarasan dasar, sokongan institusi dan penglibatan komuniti dalam memperkukuh pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI.

Di sebelah petang, para peserta berpeluang mengikuti lawatan ke dua buah ladang iaitu Hua Ho Agricultural Farm dan Mori Farm, yang menjadi contoh bagi amalan pertanian bertanggungjawab dan mampan di NBD.

Dialog ini diharap dapat membantu dalam mengukuhkan kefahaman, memacu komitmen bersama dan menjadikan landasan yang lebih kukuh bagi NBD dan negara-negara serantau dalam memajukan sektor pertanian yang beretika, inklusif dan berdaya

# Lawatan beri pendedahan praktikal pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI



**Oleh: Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto: Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Sebagai sebahagian daripada Dialog Parlimen Kebangsaan mengenai Pelaburan Bertanggungjawab dalam Makanan, Pertanian dan Perhutanan (ASEAN RAI), seramai lebih 40 peserta termasuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), agensi kerajaan, pengusaha pertanian, institusi pendidikan, sektor swasta serta rakan serantau petang tadi berkesempatan mengadakan lawatan ke dua ladang terkemuka negara.

Lawatan berkenaan memberi tumpuan kepada amalan pertanian mampan di Ladang Pertanian Hua Ho, Kampung Masin dan Mori Farm di Kampung Sinaut, Daerah Tutong.

Di Ladang Pertanian Hua Ho, yang dikendalikan oleh rangkaian pasar raya terbesar negara, peserta menyaksikan integrasi teknologi moden dalam pengeluaran hasil tempatan.

Ladang tersebut terkenal sebagai penyokong utama keselamatan makanan negara melalui sistem pengairan berkesan dan kawalan kualiti yang ketat, selaras dengan inisiatif 'Buy Bruneian'.

Seterusnya, lawatan ke Mori Farm di Kampung Sinaut, Daerah Tutong iaitu sebuah model agro-pelancongan organik.

Pengasas Mori Farm, Lim Jun Hong memperkenalkan teknik pertanian bebas kimia seperti pengkomposan sisa organik dan sistem tanaman biodinamik, yang juga berfungsi sebagai pusat edukasi komuniti, mempamerkan bagaimana pertanian lestari boleh digabungkan dengan pelancongan desa.

Lawatan berkenaan antara lain bertujuan memberi gambaran praktikal pelaksanaan garis panduan ASEAN RAI.

Peserta melihat sendiri pendekatan kedua-dua ladang dalam mengimbangi produktiviti dengan kelestarian alam sekitar, termasuk penggunaan tenaga solar dan pengurusan air kitar semula di Mori Farm.

Dialog tersebut dianjurkan bersama MMN dan Persatuan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA), dengan kerjasama Pertubuhan Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO).



**SERAMAI lebih 40 peserta termasuk Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), agensi kerajaan, pengusaha pertanian, institusi pendidikan, sektor swasta serta rakan serantau berkesempatan mengadakan lawatan ke dua ladang terkemuka negara (kiri dan atas).**



**LAWATAN berkenaan memberi tumpuan kepada amalan pertanian mampan.**

# MEMPERKUKUHKAN PERANAN WANITA DALAM KEPIMPINAN, PENGGUBALAN DASAR

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**MAJLIS pembukaan dimulakan dengan ucapan oleh Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara.**

>> Muka 1

Seramai lebih 50 peserta menghadiri dialog tersebut terdiri daripada wakil-wakil kementerian, pertubuhan masyarakat sivil wanita, institusi pendidikan dan badan sokongan, menjadikan perbincangan ini lebih menyeluruh dan inklusif.

Majlis pembukaan dimulakan dengan ucapan oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd. Salam; Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Penasihat Dasar Serantau UN Women, Dayang Norul Huda Mohamed Rashi dan Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari.

Antara inti utama, ucapan-ucapan menekankan aspirasi bersama untuk memperluas penyertaan wanita secara bermakna dalam proses membuat keputusan, melalui pengukuhan dasar responsif, pembinaan ekosistem sokongan yang kukuh serta meningkatkan kerjasama bersepadu merentas sektor.

Sesi pertama membincangkan penyertaan politik wanita dari sudut global dan serantau, dengan pembentangan oleh wakil UN Women, Sekretariat ASEAN, MMN dan Ahli Parlimen Republik Indonesia.

Fokus diberikan kepada membincangkan cabaran dalam penyertaan dan kepimpinan wanita, pelaksanaan tindakan pasca Beijing+30 dan Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women General Recommendation 40 (CEDAW GR40), serta pengukuhan tadbir urus yang responsif melalui data dan kerjasama rentas sektor.

Dalam pembentangan Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah menekankan keperluan memanfaatkan peranan institusi parlimen sebagai pemangkin dasar dan suara komuniti akar umbi dalam mendorong penyertaan wanita yang lebih bermakna.



**SESI gambar ramai pada Dialog Parlimen Kebangsaan 'National Parliamentary Dialogue on Promoting Women's Political Participation and Leadership (WPPL)' yang diadakan di Bangunan Dewan Majlis, Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat.**

Sesi kedua merupakan pembentangan KKBS yang mengongsikan inisiatif bersepadu dalam memperkukuh kepimpinan wanita, termasuk statistik semasa penyertaan wanita di negara.

Pembentangan ini juga mengongsikan peranan organisasi akar umbi dan hala tuju Pelan Tindakan Wanita bagi menyokong pembangunan inklusif dan kepimpinan berterusan di negara ini.

Sesi terakhir merupakan perbincangan panel menjadi kemuncak dialog, disertai oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Dayang Chong Chin Yee; Dr. Azrinah Rahman dari Centre for Strategic and Policy Studies (CSPS) dan Datin Hajah Dayang Masni binti Haji Mohd. Ali dari Majlis Wanita Brunei.

Perbincangan merangkumi kepentingan kemahiran digital, keperluan struktur sokongan yang lebih responsif bagi pemimpin, serta kepentingan memperkukuh peranan wanita dalam agenda pembangunan negara.

Dialog hari ini mencerminkan komitmen berterusan pelbagai pihak dalam memperkukuhkan peranan wanita dalam kepimpinan dan penggubalan dasar, selaras dengan aspirasi pembangunan negara yang inklusif dan mampan.




# Usaha teruskan penglibatan belia melalui Jerayawara AIPA

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



**JERAYAWARA AIPA Ke-16 berkenaan menampilkan sesi dialog eksklusif bersama Setiausaha Agung AIPA, Puan Yang Terutama Ar. Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.**

>> Muka 1

Sesi khas ini merupakan peluang luar biasa bagi golongan belia untuk menyuarakan pendapat mereka di platform yang tidak kerap diadakan sedemikian.

Dianjurkan bersama UBD-ASEAN University Network (AUN) Summer Camp, di bawah Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun 2025 (Brunei Mid-Year Conference and Exhibition 2025 - Brunei MYCE 2025), lebih 150 belia dari UBD-AUN Summer Camp serta pelajar institusi pengajian tinggi dan sekolah dari Negara Brunei Darussalam (NBD) menyertai Jerayawara AIPA Ke-16 secara aktif.

UBD-AUN Summer Camp merupakan program tahunan yang menghimpunkan belia seluruh ASEAN untuk memupuk kefahaman antara budaya, kerjasama dan kepimpinan melalui aktiviti akademik, penglibatan komuniti, serta dialog tentang cabaran global.

Tema UBD-AUN Summer Camp 2025, 'Green Stewardship: Preserving Biodiversity and Advancing Sustainable Development', selaras dengan objektif Jerayawara AIPA Ke-16 dengan mempromosikan kesedaran dan menggalakkan penyertaan belia dalam inisiatif ASEAN, sekali gus menanamkan rasa tujuan serta kompetensi dalam belia AUN untuk menyumbang kepada usaha serantau dan global dalam menangani cabaran mendesak berkaitan tema seperti perubahan iklim, kehilangan biodiversiti dan pertumbuhan mampan.

Melalui siri aktiviti dinamik termasuk pembentangan interaktif, dialog eksklusif dan kuiz interaktif, para peserta berpeluang memahami lebih mendalam peranan AIPA dalam mempromosikan diplomasi parlimen di seluruh rantau ASEAN.

PYT Ar. Siti Rozaimeriyanty dalam ucapannya menjelaskan Jerayawara AIPA Ke-16 bukan sekadar tentang meningkatkan kesedaran, ia adalah tentang belia.

"Platform ini membolehkan awda berkongsi idea, menyuarakan aspirasi dan membayangkan masa depan ASEAN.

"Kami di sini untuk mendengar, belajar dan bekerjasama mencari penyelesaian nyata, kerana tenaga dan idea awda penting pada hari ini dan akan membentuk ASEAN masa depan," tambahnya lagi.

Dilancarkan pada 2023, Jerayawara AIPA Ke-16 berkenaan menandakan kali kedua ia diadakan di NBD.

Jerayawara AIPA merupakan salah satu inisiatif belia utama AIPA, direka untuk memupuk *inclusivity*, meningkatkan kesedaran, serta memperkasa golongan muda untuk terlibat secara aktif dalam diplomasi parlimen serantau.

Dengan menyediakan platform dialog antara wakil AIPA dan belia ASEAN, Jerayawara AIPA menegaskan komitmen berterusan AIPA terhadap pendekatan belia sebagai sebahagian daripada visi besarnya.



**ANTARA yang hadir pada Jerayawara AIPA Ke-16 berkenaan.**

# ZAHIR KESYUKURAN TAMAT PEMBACAAN 30 JUZUK AL-QURAN





YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa hadir dan menyertai Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di Masjid Kampung Sungai Hanching (atas). Manakala gambar kanan, Yang Berhormat semasa sesi bergambar ramai.

**Siaran Akhbar dan Foto : Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Sungai Hanching**

**SUNGAI HANCHING**, Jumaat, 20 Jun. – Membaca dan mempelajari isi Al-Quran menjadi tuntutan penting dalam Islam yang menjadi ibadah bagi memperoleh petunjuk dalam kehidupan, kerahmatan dan kejayaan di dunia serta akhirat.

Sehubungan itu, bagi menzahirkan rasa kesyukuran selepas tamat pembacaan 30 Juzuk Al-Quran, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Hanching telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir dan menyertai majlis tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman yang juga Penaung AJKT masjid berkenaan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai, disusuli dengan bacaan Surah Ad-Dhuha hingga Surah An-Nas yang dikepalai oleh Ketua Imam Masjid Kampung Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Malik bin Haji Jumaat yang juga membaca Doa Khatam dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis turut dimeriahkan dengan Dikir Marhaban oleh AJKT masjid, peserta khatam dan para jemaah.

Majlis berkenaan merupakan satu platform positif yang perlu dikekalkan bagi meningkatkan kecintaan kepada Al-Quran serta memperkukuh perpaduan khususnya dalam kalangan AJKT Masjid, jemaah dan penduduk di kampung berkenaan.

# Seminar NiAT tampilkan penyelesaian inovatif baharu

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2025



SALAH seorang daripada pasukan pakar dalaman NiAT yang menyampaikan pembentangannya pada seminar berkenaan (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada seminar tersebut.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 20 Jun. - Network Integrity Assurance Technologies (NiAT) Sdn. Bhd. telah menganjurkan seminar dan pamerannya sempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun 2025 (MYCE 2025), baru-baru ini.

Seramai 75 individu daripada pelbagai organisasi telah menyertai acara tersebut yang diadakan di Dewan Mutiara, Radisson Hotel, di ibu negara.

Dengan membawakan tema 'Digital Innovation by NiAT', acara ini mendedahkan kemajuan terkini NiAT dalam komunikasi satelit dan teknologi geospatial. Ia berperanan sebagai platform untuk memperkenalkan portfolio penyelesaian teknologi tinggi NiAT yang semakin berkembang, dalam menyokong Agenda Ekonomi Digital Brunei dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

Seminar ini turut mengetengahkan beberapa topik utama termasuk Exploring MataGrid : From Sunlight to Insights dan TRACK Everything That Matters : Tactical Resource and Asset Coordination Kit for Real-Time Command serta No Infrastructure, No Problem : Mesh Has You Covered.

Setiap topik telah disampaikan oleh pasukan pakar dalaman NiAT, termasuk Dayang Nooramalina binti Ramlee (Pakar Integrasi), Awang Muhammad Afif Afdhalul Matin bin Abdul Halim (Jurutera Jualan), Awang Muhd. Bazil Hijazi bin Haji Mohd. Bazil Nabil Fakhri (Juruteknik GIS) dan Awang Aiman Hasif bin Sufian (Jurutera Jualan), yang berkongsi kepakaran serta pandangan mendalam mereka mengenai penawaran inovatif NiAT.

Sebagai sebahagian daripada acara tersebut, NiAT turut mempamerkan pelbagai penyelesaian komunikasi satelit, sekali gus memberikan peserta pemahaman yang bernilai tentang bagaimana teknologi ini dapat menyokong operasi di kawasan terpencil.

Acara ini juga berperanan sebagai pusat perkongsian ilmu, menggalakkan dialog dan kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan, institusi penyelidikan, badan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi, serta orang awam.

Penyertaan NiAT dalam MYCE 2025 mengukuhkan komitmen berterusan dalam memacu inovasi teknologi dan menyediakan penyelesaian masa hadapan yang disesuaikan bagi memenuhi keperluan pelbagai industri yang sentiasa berkembang.

**Siaran Akhbar dan Foto : Network Integrity Assurance Technologies Sdn. Bhd.**




# PELANCARAN JAKET PEMANDU PELANCONG BAHARU

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit




**PELANCARAN jaket pemandu pelancong yang baharu dirasmikan oleh Setiausaha Tetap KSSUP.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 18 Jun. - Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hari ini mengumumkan pelancaran jaket pemandu pelancong yang baharu sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memperkukuh profesionalisme golongan tersebut di negara ini.



**PEMANGKU Pengarah Kemajuan Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Aji semasa berucap.**

Pelancaran itu menandakan satu pencapaian penting dalam komitmen berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk meningkatkan profesionalisme dan mempertingkatkan pengalaman para pelawat dalam sektor pelancongan yang sedang berkembang.

Pelancaran berkenaan dirasmikan oleh Setiausaha Tetap KSSUP, Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab bertempat di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap I KSSUP, Awang Haji Yusree bin Haji Junaidi.

Seramai 30 ejen pelancongan menghadiri pelancaran berkenaan.

Pelancaran tersebut merupakan pengiktirafan rasmi terhadap sumbangan yang diberikan para pemandu pelancong, yang memainkan peranan penting sebagai duta dan barisan hadapan dalam menyambut ketibaan para pelawat ke negara ini.

Dalam landskap pelancongan yang sentiasa berkembang pada masa kini, penampilan profesional dan identiti yang jelas adalah amat penting untuk membina keyakinan pelawat serta memupuk persepsi positif terhadap kualiti perkhidmatan pelancongan di negara ini.

Antara objektif utama jaket pemandu pelancong ini diperkenalkan adalah bagi meningkatkan keterlihatan dan pengecaman pemandu pelancong yang membolehkan para pelancong, pengendali pelancong dan pihak berkuasa mengenal pasti mereka dengan mudah.

Selain itu, jaket tersebut juga berfungsi sebagai seragam yang dapat meningkatkan profesionalisme dan imej pemandu pelancong dengan mewujudkan penampilan yang lebih profesional, teratur dan dipercayai di mata pelancong serta masyarakat umum, sekali gus mempertingkatkan persepsi terhadap profesion berkenaan.

Pemangku Pengarah Kemajuan



**SETIAUSAHA Tetap Kementerian Sumber-sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) hadir pada majlis berkenaan.**

Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Aji berkata, inisiatif tersebut menyokong matlamat jabatan berkenaan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dan daya saing dalam industri pelancongan di negara ini.

Menurutnya, pelaburan dalam imej profesional pemandu pelancong merupakan pelaburan dalam kualiti keseluruhan produk pelancongan negara, menjadikan NBD sebagai sebuah destinasi yang lebih menarik bagi pelancong antarabangsa.

JPK juga menyeru semua pengendali pelancong supaya memastikan para pemandu pelancong mereka memakai jaket baharu ini, sebagai langkah penting ke arah komuniti pemandu pelancong yang lebih profesional dan bersatu.

Usaha kerjasama ini adalah amat penting bagi terus meningkatkan standard kecemerlangan pelancongan di NBD.

JKP kekal komited untuk meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam sektor pelancongan melalui pelbagai inisiatif pembinaan kapasiti. Penyediaan jaket ini merupakan satu langkah penting ke arah pengiktirafan rasmi dan pemerkasaan pemandu pelancong sebagai aset penting dalam memajukan industri pelancongan negara.

Pada masa ini, NBD mempunyai 241 pemandu pelancong berdaftar yang memainkan peranan penting sebagai duta barisan hadapan negara.

Bagi individu yang berminat untuk menceburi kerjaya sebagai pemandu pelancong, Kursus Asas Pemandu Pelancong yang seterusnya dijadualkan berlangsung dari 20 hingga 30 Oktober 2025.

Maklumat lanjut boleh diperoleh dengan menghubungi Kolej Perniagaan Laksamana.

# Profesor Undang-undang UNISSA tersenarai dalam 10 terbaik dunia

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



**PROFESOR Dr. Nehaluddin Ahmad disenaraikan sebagai individu ke-10 terbaik di dunia dalam bidang Undang-undang dan Pengajian Perundangan berdasarkan *h-index.***

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 18 Jun. - Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad, seorang cendekiawan undang-undang yang terbilang dan berwibawa, berasal dari Lucknow, India telah diiktiraf di peringkat antarabangsa atas sumbangan ilmiahnya yang besar dalam bidang perundangan.

Beliau kini berkhidmat sebagai Profesor Kanan Undang-undang di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam Edisi 2025 AD Scientific Index, Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad telah disenaraikan sebagai individu ke-10 terbaik di dunia dalam bidang Undang-undang dan Pengajian Perundangan berdasarkan *h-index.*

Beliau juga menduduki tempat pertama di Asia serta merupakan ahli akademik dengan kedudukan tertinggi merentas semua bidang di NBD.

Sebagai pengiktirafan atas pencapaian cemerlangnya, Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad telah dianugerahkan Anugerah Guru Cemerlang (Teacher Excellence Award) pada tahun 2024 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Pada tahun berikutnya, iaitu tahun 2025, beliau telah menerima Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan (Research Excellence Award), sekali gus mengukuhkan lagi reputasinya sebagai seorang cendekiawan yang unggul dan berwibawa.

Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad juga telah menghasilkan lebih daripada 300 penerbitan penyelidikan dan lebih daripada dua dozen buah buku.

Karya ilmiahnya memberi impak besar terhadap pelbagai keputusan kehakiman, termasuk di Mahkamah Tinggi Malaysia, Mahkamah Agung Wilayah Ibu Negara Australia (Supreme Court of the Australian Capital Territory, Canberra) dan Mahkamah Agung India.

Selain itu, hasil penyelidikannya juga turut dijadikan sebagai rujukan dalam pelbagai inisiatif dasar utama oleh Suruhanjaya Eropah (European Commission) dan Jawatankuasa Khas Parlimen Eropah mengenai Bitcoin (European Parliament's Special Committee on Bitcoin).

Di luar lingkungan mahkamah dan forum perundangan, sumbangan akademik Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad turut dipetik serta digunakan sebagai rujukan oleh ahli-ahli akademik daripada beberapa institusi terkemuka di dunia, termasuk University of Oxford, Yale University, University of Cambridge, dan Cornell University serta pelbagai institusi lain.

Dengan kerjaya akademik yang cemerlang yang merentasi India, Tanzania, Malaysia, Singapura dan lebih daripada 15 tahun berkhidmat di NBD, Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad telah mengukuhkan kedudukannya sebagai pakar terkemuka dalam pendidikan dan penyelidikan undang-undang di peringkat antarabangsa.



Pelita Brunei

# PENYAMPAIAN SIJIL LANTIKAN PENGHULU MUKIM, KETUA KAMPUNG

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyempurnakan penyerahan sijil-sijil lantikan berkenaan (atas dan bawah).



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) telah diadakan petang tadi di Dewan Teater, Jabatan DBM (JDBM).

Sebanyak dua jawatan penghulu mukim dan 18 jawatan ketua kampung secara berjawatan tetap telah diperkenankan bagi jawatan masing-masing.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyerahan sijil-sijil lantikan berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Perbandaran dan Daerah), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Awang Abdul Walid bin Haji Matassan.

Majlis menyaksikan bacaan ikrar daripada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang diraikan pada majlis berkenaan diikuti dengan penyampaian ucapan daripada Penghulu Mukim Tingkat 3, Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram bagi mewakili penghulu mukim-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang telah dilantik.

Setelah majlis selesai dilaksanakan, tetamu kehormat berserta rombongan KHEDN dan JDBM bertolak ke rumah Penghulu Mukim Kota Batu bagi merasmikan papan tanda penghulu mukim.

Acara perasmian papan tanda diadakan di beberapa buah rumah ketua-ketua kampung dan kemudiannya diteruskan oleh Pemangku Pegawai DBM berserta rombongan mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Perundangan, Antarabangsa dan Penyelidikan) KHEDN, Awang Haji Ahmad Nozam bin Dato Paduka Haji Ismail; Pemangku Pegawai DBM, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim; pegawai-pegawai kanan dari KHEDN dan JDBM.

Perasmian papan tanda di kediaman ketua-ketua kampung yang telah diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil Lantikan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung diteruskan lagi pada Sabtu, 21 Jun 2025 oleh Pemangku Pegawai DBM berserta rombongan dari JDBM.



MAJLIS menyaksikan bacaan ikrar daripada penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung yang diraikan pada majlis berkenaan.

# Persidangan Brunei Darussalam Hutan ke Terumbu Karang tutup tirai

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Azmah Haji Ahad

BRUNEI MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION MYCE 2025



TIMBALAN Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang (Forest to Reef) telah menutup tirainya hari ini setelah berlangsung selama tiga hari bermula 17 Jun hingga 19 Jun di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, di sini.

Timbalan Setiausaha Tetap II, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP), Dayang Noralinda binti Haji Ibrahim dalam ucapan penutupnya selaku tetamu kehormat majlis antara lain menyatakan, mesej teras persidangan tersebut menekankan kesalinghubungan yang mendalam antara persekitaran daratan dan marin, iaitu dengan melindungi satu aspek memerlukan perhatian kita terhadap aspek yang lain.

Tambahnya, kesihatan biodiversiti, ketahanan garis pantai dan kemampanan ekonomi kita semuanya saling berkait dalam satu keseimbangan yang halus.

Dalam melaksanakan usaha pemuliharaan dan pengurusan jelasnya, mereka mesti mengambil pendekatan yang menyeluruh dengan menyedari bahawa tindakan mereka dalam satu bidang boleh memberi kesan kepada banyak bidang lain.

Bersama-sama tekannya, mereka boleh berusaha ke arah masa depan yang mampan yang bukan sahaja memberi manfaat kepada alam sekitar, malah menyokong komuniti mereka.

Sepanjang persidangan itu tambahnya lagi, mereka telah meneroka pelbagai topik penting, termasuk kepentingan Karbon Biru dalam ekosistem, hubungan inovatif antara hutan dan terumbu, serta isu-isu mendesak berkaitan pemuliharaan, pemulihan dan penyelesaian iklim.

Terangnya, mereka juga telah menyelami nilai ekonomi ekosistem ini dan berkongsi penemuan menarik daripada ekspedisi saintifik terbaharu yang merentasi perjalanan dari hutan ke terumbu.

"Saya yakin bahawa kita telah membincangkan set topik yang menyeluruh dan amat relevan dengan minat serta kepakaran kolektif kita dalam bidang penting ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan Ekspedisi Saintifik atas dedikasi dan usaha cemerlang mereka dalam meneroka landskap menakjubkan di Brunei Darussalam - dari hutan bakau yang kaya hingga ke terumbu karang yang memukau. Penemuan mereka menyerlahkan kekayaan biodiversiti kita dan peranannya yang penting dalam mengekalkan keseimbangan ekologi," ujarnya lagi.

Terdahulu itu, Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat semasa menyampaikan rumusan Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang (Forest to Reef) antara lain mengetengahkan pencapaian utama dan dapatan sepanjang tiga hari persidangan berlangsung.




PEMANGKU Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat semasa menyampaikan rumusan persidangan.

Turut hadir pada majlis ini ialah ketua-ketua jabatan, Pengarah Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar (IBER), Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Poni Group Sdn. Bhd., serta ahli akademik, penyelidik dan peserta persidangan lain.

Persidangan Brunei Darussalam mengenai Hutan ke Terumbu Karang (Forest to Reef) dianjurkan oleh KSSUP melalui Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Poni Group Sdn. Bhd. bersempena Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei (MYCE) 2025.

# Sinar menuju kepulihan




**BERTAKWALAH** kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Suran An-Nahl, ayat 78 :

**Tafsirnya :** "*Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibu kamu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatu apa pun dan Dia mengurniakan kepada kamu pendengaran dan penglihatan serta hati (akal fikiran) supaya kamu bersyukur*".

Allah Subhanahu Wata'ala menciptakan manusia ini dengan sebaik-baik kejadian dengan mengurniakan akal dan fikiran supaya dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan sempurna dan teratur. Islam amat menitikberatkan penjagaan akal yang merupakan anugerah Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak boleh dipersia-siakan.

Sesungguhnya akal perlu disuburkan dengan ilmu pengetahuan. Tetapi akal yang diisi dengan ilmu pengetahuan saja tidak mencukupi tanpa dipandu dengan ketakwaan kerana ketakwaan sahaja yang dapat menghalang manusia daripada menyalahgunakan ilmu yang ada padanya ke jalan yang membawa kebinasaan.

Dalam Islam, peranan akal itu sangat penting kerana itulah Islam mengharamkan segala perkara yang boleh mengganggu atau merosakkan fungsi akal. Ini termasuklah meminum arak dan segala benda yang memabukkan. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Maidah, ayat 90 :

**Tafsirnya :** "*Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan)*".

Selain daripada meminum arak, menyalahgunakan dadah juga boleh merosakkan akal fikiran bahkan boleh membawa maut. Sesungguhnya setiap yang memabukkan, mengkhayalkan atau menghilangkan akal fikiran itu adalah haram. Daripada Ibnu Umar Radiallahuanhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya :** "*Setiap yang memabukkan adalah arak dan setiap yang memabukkan hukumnya adalah haram*". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Namun, apa yang mendukacitakan terdapat segelintir orang dengan sengaja menyalahgunakan dadah. Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana maklumat tentang keburukan dan kemudaratan penyalahgunaan dadah sudah disebarkan atau diuar-uarkan oleh pihak berkuasa melalui media massa, ceramah, taklimat, jerayawara dan seumpamanya sebagai langkah pencegahan.

Ketahuilah bahawa penyalahgunaan dadah boleh menyebabkan orang yang melakukannya itu lupa diri, lupa agama dan lupa dunia kerana ia memberi kesan buruk kepada akal, melemahkan fikiran dan kecerdasan, mengakibatkan penyakit urat saraf serta boleh mengganggu kesihatan mental dan fizikal. Maka jelas bahawa menyalahgunakan dadah ini adalah perbuatan sengaja mencampakkan diri ke dalam kebinasaan. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195 :

**Tafsirnya :** "*Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan*".

Penyalahgunaan dadah adalah musuh nyata kepada negara, masyarakat dan agama. Ia bukan sahaja merosakkan fizikal dan mental malah menghancurkan maruah, mengheret keluarga ke dalam penderitaan dan memporak-perandakan masyarakat.

Selain itu, penyalahgunaan dadah juga boleh mengakibatkan meningkatnya perlakuan jenayah dalam masyarakat seperti mencuri, merompak, peras ugut, mencederakan orang lain dan membunuh. Oleh yang demikian, jelasnya bahawa ketagihan dadah boleh membawa kepada masalah mental yang mengakibatkan bekas pengguna dadah hilang keseimbangan dan keupayaan untuk berfikir secara normal.

Dalam keadaan gejala penyalahgunaan dadah terus berlaku dan memberi kesan buruk kepada masyarakat, kerajaan tetap tidak melepaskan tanggungjawabnya. Kerajaan telah membelanjakan sejumlah besar peruntukkan kewangan bagi menangani gejala penyalahgunaan dadah. Ini termasuklah penyediaan pusat rawatan dan pemulihan bagi membantu memulihkan bekas pengguna dadah. Pelbagai pendekatan pemulihan dan juga program-program disediakan kepada mereka bagi membantu dan menunjukkan kaedah-kaedah kepada mereka untuk menghindarkan diri daripada terus bergantung pada aktiviti menyalahgunakan dadah. Dalam proses menuju kepulihan, pelbagai aspek perlu diberikan perhatian, di antaranya memupuk keyakinan dan jati diri serta hala tuju dan komitmen untuk membuat perubahan ke arah kehidupan yang positif. Ini kerana pemulihan bukanlah satu proses yang mudah. Ia memerlukan kekuatan dalaman, bimbingan dan sokongan luaran terutamanya daripada keluarga dan masyarakat.

Ramai bekas pengguna dadah sebenarnya ingin berubah dan kembali menyumbang kepada masyarakat akan tetapi mereka tersekat oleh prasangka, pandangan serong dan diskriminasi sehingga mereka sukar mendapat pekerjaan. Mereka diketepikan dalam program sosial. Ada yang dijauhi oleh masyarakat sendiri, bukan kerana mereka jahat tetapi kerana masa silam mereka. Sebagai masyarakat yang prihatin, janganlah biarkan mereka tanpa sokongan dan bantuan. Bantulah mereka memperbaiki diri dan kembali ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya Allah Subhanahu Wata'ala dalam kalangan mereka yang telah insaf, amat menyesali dan mengakui hidup mereka telah hancur setelah terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Oleh itu, mereka berhak diberi peluang agar dapat kembali menjadi anggota masyarakat yang berguna. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali-Imran, ayat 135 :

**Tafsirnya :** "*Dan orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji atau menganiayai diri mereka sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun terhadap dosa-dosa mereka. Dan sememangnya tidak ada sesiapa yang dapat mengampunkan dosa-dosa selain Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu sedang mereka mengetahui (akibatnya)*".

Alhamdulillah, terdapat juga pihak tertentu termasuklah dari sektor awam dan swasta yang memberikan sokongan dan kepercayaan terhadap mereka yang masih di dalam proses pemulihan ini dengan memberikan mereka pekerjaan yang bersesuaian tanpa mengira latar belakang mereka, di samping itu juga membantu memberikan semangat kepulihan dan motivasi agar mereka dapat meneruskan kehidupan yang lebih sempurna.

Bagi bekas pengguna dadah yang telah pulih dan diberikan peluang dan kepercayaan tersebut, mereka hendaklah menggunakannya dengan sebaik-baiknya dan secara berterusan mengamalkan cara hidup yang sihat dan tidak bergantung dengan hanya mendapatkan pertolongan orang lain. Mereka hendaklah berdikari untuk mendapatkan rezeki yang halal dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Marilah sama-sama kita melindungi dan memelihara diri kita, keluarga dan masyarakat daripada dipengaruhi oleh dadah agar kehidupan lebih harmoni dan sejahtera. Dalam usaha membanteras gejala ini, marilah kita di semua peringkat masyarakat sama-sama meningkatkan komitmen, kesungguhan dan kepercayaan sepenuhnya demi mencapai objektif menangani isu penyalahgunaan dadah di Negara Brunei Darussalam.

Apa yang lebih penting ialah dengan mempraktikkan dan mengamalkan ajaran Islam yang sebenar, iaitu mentaati perintah dan hukum Allah Subhanahu Wata'ala serta menjauhi segala larangan-Nya. Kita semua juga hendaklah mengamalkan *amar makruf, nahi mungkar* iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan tidak *camah* mata untuk menegur dan mencegah perbuatan mungkar yang berlaku di hadapan mata kita sendiri.

Akhirnya, sama-samalah kita memberi sokongan dan menjauhkan diri dan keturunan kita daripada bahaya penyalahgunaan dadah dan apa juga perkara yang diharamkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Marilah kita berdoa agar Allah Subhanahu Wata'ala memberi kekuatan kepada saudara-saudara kita yang sedang melalui proses pemulihan. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan hendaklah ada di antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan (kebaikan) dan menyuruh (berbuat) yang makruf serta melarang daripada yang mungkar. Dan mereka itulah orang-orang yang mendapat kemenangan*". (Surah Ali-Imran, ayat 104)

**PENYALAHGUNAAN dadah adalah musuh nyata kepada negara, masyarakat dan agama. Ia bukan sahaja merosakkan fizikal dan mental malah menghancurkan maruah, mengheret keluarga ke dalam penderitaan dan memporak-perandakan masyarakat. Selain itu, penyalahgunaan dadah juga boleh mengakibatkan meningkatnya perlakuan jenayah dalam masyarakat seperti mencuri, merompak, peras ugut, mencederakan orang lain dan membunuh. Oleh yang demikian, jelasnya bahawa ketagihan dadah boleh membawa kepada masalah mental yang mengakibatkan bekas pengguna dadah hilang keseimbangan dan keupayaan untuk berfikir secara normal.**

# NBD berada dalam Monsun Barat Daya

**Siaran Akhbar : Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 18 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) pada ketika ini berada dalam Monsun Barat Daya yang pada lazimnya berterusan sehingga penghujung bulan September 2025.

Keadaan cuaca diramalkan aktif sehingga Sabtu (21/06/2025). Hujan kadang kala lebat dan berpetir dijangka berlaku sekali-sekala menjejaskan kawasan pedalaman pada waktu petang dan berpotensi merebak ke kawasan pesisiran dan perairan pada waktu malam dan awal pagi.

Hujan berangin kencang juga kadang kala berlaku di kawasan pesisiran pantai dan perairan NBD. Kelajuan angin sehingga 50kmsj semasa atau dekat hujan.

Keadaan laut pada amnya berombak di paras sedikit di antara 0.2 meter hingga 1.0 meter dan dijangka meningkat ke paras sederhana ke bergelora dengan ketinggian mencecah 2.0 meter bermula Jumaat, 20 Jun 2025 sehingga Sabtu, 21 Jun 2025.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengambil langkah-langkah awal akan kejadian cuaca aktif yang diramalkan berlaku. Terdapat risiko tinggi berlakunya banjir kilat terutamanya di kawasan-kawasan rendah dan mudah banjir serta di kawasan berdekatan tebing sungai semasa hujan lebat yang berterusan dan semasa kejadian air pasang.

Kejadian tanah susur, pokok tumbang dan atap terbang juga boleh berlaku semasa hujan lebat dan keadaan berangin kencang. Keadaan laut bergelora adalah berbahaya bagi operasi bot-bot kecil, aktiviti rekreasi dan sukan laut.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam akan terus memantau keadaan cuaca dari semasa ke semasa dan akan mengeluarkan nasihat dan amaran cuaca jika perlu.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi bimbit jabatan berkenaan iaitu Brunei WX kerana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang *www.met.gov.bn* atau melalui laman Facebook *@bruneiweather* Instagram *@brunei.weather* dan saluran Telegram *Brunei Weather.*

PELITA BRUNEI

# SINAR MENUJU KEPULIHAN

KHUTBAH JUMAAT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM PADA 23 ZULHIJJAH 1446H / 20 JUN 2025M

## AKAL: DIISI DENGAN ILMU DAN TAQWA

**Islam mengharamkan** segala perkara yang boleh mengganggu atau merosakkan fungsi akal

## KESAN BURUK DADAH

Ia memberi kesan buruk kepada akal, **melemahkan fikiran dan kecerdasan, mengakibatkan penyakit urat saraf** serta boleh **mengganggu kesihatan mental dan fizikal**

## DADAH MUSUH AGAMA & MASYARAKAT

Penyalahgunaan dadah **menghancurkan maruah**, **mengheret keluarga ke dalam penderitaan** dan **memporak-perandakan masyarakat**

## HARAPAN UNTUK BERUBAH

Ramai bekas pengguna dadah sebenarnya **ingin berubah dan kembali menyumbang kepada masyarakat** tetapi mereka tersekat oleh prasangka, pandangan serong dan diskriminasi sehingga mereka sukar mendapat pekerjaan

## TINDAKAN KITA?

- **Memberikan sokongan dan kepercayaan** terhadap mereka yang di dalam proses pemulihan: memberikan pekerjaan yang bersesuaian agar mereka dapat meneruskan kehidupan yang lebih sempurna
- **Amar Makruf Nahi Mungkar**: Menyuruh berbuat kebaikan dan tidak camah mata untuk menegur & mencegah perbuatan mungkar yang berlaku di hadapan mata kita sendiri

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# 41 BELIA TAMAT PROGRAM LITERASI PENERANGAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bertempat di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan, di sini.

Majlis penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini.

Program kali ini disertai oleh 41 peserta terdiri daripada para penuntut institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei serta para belia dari sektor swasta, pencari pekerjaan dan yang sedang menjalani cuti penggal persekolahan.

Atur cara program hari kedua dimulakan dengan lawatan ke Institusi Penjara Maraburong, di mana para peserta berpeluang mendengarkan taklimat mengenai sejarah penubuhan dan latar belakang Jabatan Penjara serta program-program pemulihan dan reintegrasi bagi rakan seliaan, demonstrasi sebatan secara sivil dan syariah serta lawatan ke bengkel-bengkel vokasional dan kemahiran.

Pada sebelah petang pula, para peserta mendengarkan taklimat mengenai 'Menambat Dastar, Menapih Sinjang dan Kain Kapit' yang dikendalikan oleh Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN), selain turut berpeluang mempelajari dan menyertai aktiviti menambat dastar dan menapih sinjang dengan bimbingan pegawai dari JAIN.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini hadir pada Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil bagi Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara.

# Mengukuhkan kecemerlangan akademik, meningkatkan kerjasama antarabangsa






DELEGASI dari Politeknik Brunei diiringi pegawai dari Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (NBD) mengadakan Lawatan Pendidikan ke Kuala Lumpur, Malaysia (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Delegasi dari Politeknik Brunei yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah program Diploma Sains Kesihatan (Kesihatan Awam) dan Diploma Sains Kesihatan (Teknologi Kardiovaskular), dengan diiringi pegawai dari Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam (NBD), kini sedang mengadakan Lawatan Pendidikan ke Kuala Lumpur, Malaysia.

Lawatan yang diketuai oleh Pemangku Pengarah Politeknik Brunei, Dayang Hajah Armah binti Tengah merupakan sebahagian daripada usaha berterusan institusi berkenaan untuk mengukuhkan kecemerlangan akademik, meningkatkan kerjasama antarabangsa, dan memupuk perkongsian bermakna dengan institusi kesihatan dan pengajian tinggi terkemuka di rantau berkenaan.

Inisiatif berkenaan sejajar dengan Pelan Pembangunan Lima Tahun Politeknik Brunei 2021 hingga 2025; Pelan Strategik Kementerian Pendidikan 2023 hingga 2027 dan Wawasan Brunei 2035.`

Delegasi berjaya menyelesaikan lawatan ke beberapa institusi dan agensi utama, termasuk Management and Science University (MSU) di Shah Alam. Para delegasi terlibat dalam perbincangan akademik, melawat ke kemudahan pengajaran dan klinikal serta bertemu dengan pihak pengurusan universiti untuk meneroka kerjasama masa depan.

Lawatan berkenaan juga merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Memorandum Persefahaman (MoU) yang ditandatangani antara Politeknik Brunei dan MSU, yang bertujuan untuk menggalakkan pertukaran akademik, kerjasama penyelidikan, dan laluan kemajuan pelajar.

Delegasi Politeknik Brunei juga membuat kunjungan hormat ke Suruhanjaya Tinggi NBD di Malaysia dan para pelajar menghadiri sesi khusus yang menampilkan dua pembentangan, iaitu ucapan Pemangku Pesuruhjaya Tinggi bertajuk 'The Diplomatic Role of the High Commission for Bruneian Students in Malaysia' dan ceramah oleh Atase Pendidikan bertajuk 'Studying, Interning, and Building Careers in Malaysia - Expectations and Realities'.

Sesi - sesi berkenaan memberikan pandangan berharga tentang struktur sokongan dan peluang kerjaya yang tersedia untuk pelajar NBD di Malaysia.

Pasukan Kesihatan Awam seterusnya melawat Kementerian Kesihatan Malaysia, dengan para pelajar menghadiri beberapa siri taklimat bermaklumat meliputi bidang kritikal sistem kesihatan awam negara.

Topik yang dibincangkan termasuk langkah kesihatan alam sekitar, pemantauan penyakit, kawalan penyakit berjangkit dan tidak berjangkit, inisiatif promosi kesihatan dan peranan Sekolah Profesional Kesihatan Bersekutu dalam melatih Pegawai Kesihatan Alam Sekitar dan Penolong Pegawai Kesihatan Alam Sekitar. Pembentangan berkenaan memberi pelajar pemahaman yang lebih luas tentang pendekatan bersepadu Malaysia terhadap dasar kesihatan awam, pelaksanaan program dan pembangunan tenaga kerja.

Diikuti dengan sesi interaksi bermaklumat bersama Pejabat Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Malaysia, NBD dan Singapura. Para pelajar diperkenalkan kepada inisiatif kesihatan global dan serantau WHO. Sesi berkenaan juga meneroka peluang kerjaya dan latihan industri bagi golongan profesional muda yang berminat untuk menyumbang kepada usaha kesihatan awam antarabangsa.

Secara selari, pasukan Teknologi Kardiovaskular telah mengadakan lawatan tertumpu ke institusi jantung khusus, termasuk Institut Jantung Negara (IJN) dan Gleneagles Kuala Lumpur, dengan para pelajar didedahkan kepada amalan penjagaan jantung yang canggih dan pendekatan klinikal pelbagai disiplin.

Delegasi juga meneruskan jadual perjalanan rasminya dengan lawatan Pasukan Kesihatan Awam ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Pejabat Kesihatan Daerah Titiwangsa dan Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) untuk meneroka kerjasama akademik, inisiatif kemampanan dan operasi kesihatan awam berasaskan komuniti operasi.

Pasukan Teknologi Kardiovaskular pula meneruskan lawatan ke Pusat Kardiotorasik dan Kardiologi di Hospital Serdang dan Cardiac Vascular Sentral Kuala Lumpur (CVSKL). Lawatan berkenaan dijangka memperluas pendedahan pelajar kepada inovasi klinikal dan amalan pelbagai disiplin dalam penjagaan kesihatan sektor awam dan swasta.

Lawatan Pendidikan berkenaan merupakan peluang strategik untuk Sekolah Sains Kesihatan dan Politeknik Brunei secara keseluruhannya untuk mengukuhkan kualiti, relevan dan hubungan antarabangsa dalam program akademiknya.

Melalui penglibatan aktif dengan institusi ternama, pendedahan kepada amalan terbaik, dan penerokaan peluang kerjasama, lawatan berkenaan dijangka dapat menyokong penambahbaikan kurikulum, pembangunan kakitangan dan pelajar, dan pengukuhan hubungan institusi.

Lebih penting lagi, para pelajar juga meneroka peluang untuk menjalani latihan antarabangsa di Malaysia semasa tahun akhir pengajian mereka, serta laluan untuk melanjutkan pengajian ke program ijazah sarjana muda yang sangat khusus di Institusi Pengajian Tinggi terkenal Malaysia.

Hasil daripada lawatan berkenaan dihasrat dapat menyumbang kepada matlamat lebih luas Politeknik Brunei untuk memupuk inovasi, meningkatkan penyampaian akademik dan mempersiapkan graduan untuk memenuhi keperluan sektor penjagaan kesihatan yang sentiasa berkembang di peringkat tempatan dan antarabangsa.

# KESEDARAN BELIA DALAM MEMBANGUN NEGARA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 18 Jun. - Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation dan Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Ketua Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim, semasa Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Dewan Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, di sini.

Berucap selaku Pengerusi Program tersebut, Dayang Mufidah turut menyentuh mengenai program berkenaan yang dihasrat akan dapat meningkatkan kesedaran para peserta tentang betapa pentingnya peranan belia dalam membangun negara, memupuk kerjasama dan perhubungan erat antara para belia dengan masyarakat akar umbi serta memahami maksud *inclusivity* dan memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai Dasar Belia 2020-2035.

"Generasi belia merupakan sumber tenaga yang sangat berharga yang mana para belia perlu siap siaga menghadapi cabaran dan menyahut gagasan untuk menjadi belia yang berwawasan kerana maju dan mundurnya bangsa berkait rapat dengan prestasi belia," ujarnya lagi.

Hadir pada Majlis Pembukaan program tersebut ialah Pemangku Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman.

Seramai 41 peserta menyertai program berkenaan yang terdiri daripada para penuntut institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Politeknik Brunei serta para belia dari sektor swasta, pencari pekerjaan dan yang sedang menjalani cuti penggal persekolahan.

Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara diadakan selama dua hari bermula 18 hingga 19 Jun 2025, yang mana adalah sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Komunikasi Strategik, Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik.

Sepanjang program ini, para peserta program didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep keterangkuman (*inclusivity*) melalui pengisian seperti taklimat, aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi yang terpilih.

Para peserta akan diberikan taklimat antaranya mengenai 'Scam Dulu & Sekarang: Evolusi Penipuan Digital' dari Cyber Security Brunei (CSB); 'Berita Palsu, Jenayah Siber & Scammer' oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan 'Aspirasi Belia' dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Selain itu, para peserta juga mengadakan lawatan ke Pusat Bahagia, Tutong di mana mereka berpeluang mendengarkan taklimat dan melawat ke kelas-kelas serta mengadakan aktiviti seperti pertanian, masakan, jahitan dan anyaman bersama pelajar pusat berkenaan.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pembarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.




**KETUA Seksyen Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim semasa berucap pada majlis berkenaan.**



**PEMANGKU Ketua Bahagian Penerbitan dan Komunikasi Strategik, Dayang Saadiatul Nur Aqilah binti Haji Jaman hadir pada Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Brunei dan Muara.**

# Perasmian Program Coding.bn kohort ke-3




**PENGERUSI InfoCom Federation Brunei (IFB) dan Peneraju Bersama bagi Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia untuk Sektor ICT (MISC-WG ICT), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abd. Latif hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Kohort 3 bagi Coding.bn.**

Siaran Akhbar dan Foto: Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 18 Jun. - Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) hari ini melancarkan kohort 3 bagi Coding. bn dalam satu majlis perasmian yang diadakan di Dewan Seri Kerna, AITI.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pengerusi InfoCom Federation Brunei (IFB) dan Peneraju Bersama bagi Kumpulan Kerja Jawatankuasa Pandu Industri Tenaga Manusia untuk Sektor ICT (MISC-WG ICT), Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abd. Latif.

Turut hadir, Ahli-ahli MISC-WG ICT, wakil-wakil daripada organisasi tuan rumah yang berpotensi serta para peserta kohort 3 Coding.bn.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Ketua Eksekutif AITI, Norshahrul Nizam bin Othman, diikuti dengan taklimat program yang disampaikan oleh Pengarah Urusan Mindtrex Academy, Pengiran Khairi bin Pengiran Haji Metussin juga selaku fasilitator program yang dilantik untuk kohort kali ini.

Satu inisiatif di bawah AITI dan disokong oleh MISC-WG ICT, Coding.bn dibangunkan sebagai respons kepada kebimbangan yang semakin meningkat terhadap isu pengangguran belia di Negara Brunei Darussalam, khususnya dalam sektor ICT.

Program ini bertujuan untuk memberikan golongan belia pencari kerja dengan kemahiran teknikal dan profesional yang diperlukan bagi memenuhi keperluan industri serta meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Para peserta kohort 3 akan mengikuti program berstruktur selama enam bulan, yang merangkumi tiga bulan latihan teknikal intensif diikuti dengan tiga bulan latihan kerja bersama organisasi tuan rumah, dengan sokongan bimbingan daripada pakar industri.

Latihan ini menekankan bukan sahaja kecekapan dalam pengaturcaraan dan kemahiran teknikal, tetapi juga pengalaman praktikal serta pembangunan kemahiran insaniah untuk merapatkan jurang antara pengajian akademik dan keperluan industri.

Sehingga kini, Coding.bn telah melatih seramai 109 individu yang bercita-cita menjadi *full-stack programmers* dan ramai dalam kalangan mereka kini telah bekerja dalam sektor ICT tempatan. Berdasarkan kejayaan kohort pertama dan kedua, AITI dan MISC-WG ICT terus komited untuk memperkukuhkan lagi saluran bakat dalam bidang ICT serta menyokong pertumbuhan jangka panjang ekonomi digital Brunei.

Seiring dengan usaha NBD ke arah menjadi sebuah Negara Bijak (Smart Nation), permintaan terhadap tenaga kerja berkemahiran digital, khususnya dalam bidang seperti kecerdasan buatan (AI) dan analitik data, semakin meningkat. Program peningkatan kemahiran seperti Coding.bn, bersama inisiatif AITI yang lain seperti Progam Digital Upskilling Training dan TechXPLORE, memainkan peranan penting dalam membina kumpulan bakat yang bersedia untuk masa depan serta menyokong transformasi digital negara.

Organisasi yang berminat untuk menjadi tuan rumah kepada peserta latihan Coding.bn atau ingin mengetahui lebih lanjut mengenai program ini boleh melayari laman sesawang *aiti.gov.bn/codingbn* atau mengikuti *@coding.bn* di Instagram.



# Bentuk kemahiran dalam tadbir urus, kewangan, kepimpinan

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance



SESI bergambar ramai pada Directors' Masterclass Series.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 18 Jun. – Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF) baru-baru ini menganjurkan Directors' Masterclass Series bertempat di The Rizqun International Hotel, Gadong.

Program ini adalah lanjutan kepada Corporate Governance Forum. Antara matlamat penganjuran *masterclass* ini ialah untuk mengembangkan kemahiran para peserta yang terdiri daripada ahli lembaga pengarah dan pegawai-pegawai kanan dalam bidang tadbir urus korporat, kewangan strategik dan kecemerlangan kepimpinan.

*Masterclass* ini menawarkan tiga sesi serentak iaitu sesi tadbir urus korporat, 'Regulatory Compliance and Ethical Leadership' yang dikendalikan oleh Profesor Mak Yuen Teen dari National University of Singapore; sesi kepimpinan strategik, 'Decision Making: Leadership in the Boardroom' yang dikendalikan oleh Adjunct Faculty di ICLIF Executive Education Centre, Asia School of Business, Malaysia, Chris Bennett dan sesi kewangan, 'Strategic Finance Across Economic Cycles: Thriving in Growth and Navigating Crisis' yang disampaikan oleh Independent Non-Executive Director di Touch 'n Go, Malaysia, Aida Mosira Moktar.

BILIF, sebagai sebuah pusat kecemerlangan bagi industri kewangan di negara ini, sentiasa giat menjalankan misinya untuk membentuk pemimpin, pakar dan pemacu inovasi masa depan terutamanya dalam bidang kewangan Islam dan kepimpinan melalui program dan acara bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut mengenai BILIF boleh didapati melalui laman sesawang BILIF di *www.bilif.com.bn* atau akaun Instagram *@BILIF.bn*.

# PPDB jalankan Latihan Mara Lasak

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 19 Jun. – Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Mara Lasak selama dua hari iaitu pada Sabtu, 21 Jun 2025 hingga Ahad, 22 Jun 2025 bermula jam 7.30 malam hingga 5.00 pagi.

Menurut kenyataan PPDB, latihan itu bermula di Dewan Serbaguna Polis Kawalan Diraja Beribi melalui Jalan Pengiran Babu Raja, Gadong Estate, Lebuhraya Tungku, Rakyat Jati Rimba, Tungku - Jerudong, Simpang 124 Jerudong - Tungku, Jerudong, Tutong (Sengkurong - Tanjung Bunut - Kilanas), Jalan Dadap, Jalan Telanai, Jalan Permaisuara, Jalan Pengiran Babu Raja Beribi dan berakhir di Dewan Serbaguna Polis Kawalan Diraja Beribi.

Sehubungan itu, pihak PPDB memaklumkan orang ramai, terutama penduduk yang tinggal berdekatan supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.




# PESERTA THE YOUTH ALIVE TERIMA SIJIL

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



ANTARA yang berucap pada majlis tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 18 Jun. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) dengan kerjasama International Commission for the Prevention of Alcoholism and Drug Dependency (ICPA) dan UNI Clinic mengadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup bagi Program The Youth Alive berlangsung di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan, di sini.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pengarah ICPA Malaysia, Dr. Jane Botabara-Yap.

Program berkenaan disertai oleh pelajar Tahun 7 hingga Tahun 11 dengan menampilkan pembentang plenari dan fasilitator bengkel yang terdiri daripada Dr. Ma Rizaline C. Alfanoso, Dr. Jane Botabara-Yap, Hazel Ginajil, Allan Yap dan Ann Tan.

The Youth Alive merupakan program di bawah ICPA yang juga dikenali sebagai International Prevention of Alcoholism and Drug Dependency, direka oleh para professional kesihatan bagi membantu golongan muda membina daya tahan melalui pelbagai aktiviti dalam masa yang sama memupuk persahabatan dan hubungan yang erat.




SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Sijil dan Penutup bagi Program The Youth Alive yang diadakan di Dewan Serbaguna, sekolah berkenaan.

Sepanjang tiga hari kursus, para peserta telah terlibat dalam beberapa siri aktiviti berstruktur termasuk perbincangan kumpulan persahabatan, sesi pleno, bengkel interaktif, permainan perpaduan dan diakhiri dengan pembentangan berkumpulan.

Aktiviti-aktiviti ini telah dirancang dengan teliti untuk menangani isu-isu yang dihadapi oleh golongan belia seperti ketagihan, kemurungan, kesihatan mental dan fizikal dan interpersonal *relationships*.

Program ini bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk membuat pilihan bijak dalam kehidupan peribadi dan komuniti mereka.





ANTARA yang menyertai Program The Youth Alive (atas dan kiri).

سوروهنجاي ڤرخدمتن عوام

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

# IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

**MAKLUMAT LANJUT** MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI **WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

## PERINGATAN PENTING

1. **Lengkapkan Profil PSCR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
3. **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
4. **Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"**
5. **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan professional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961 | PSC.BN | query@spa.gov.bn | Talian Whatsapp Suruhanjaya Perkhidmatan Awam | PSC.BN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PEGAWAI PENDAFTARAN KEBANGSAAN** JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/01/KHDN | KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI | 02 | 7(A) | 28 JUN 2025 |
| 2. | **PENGERUSI LEMBAGA BANDARAN** JABATAN BANDARAN BANDAR SERI BEGAWAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI SUPERSCALE B / SUPERSCALE C (BAHAGIAN I) 2025/JUN/02/KHDN | PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM | 01 | 38(A) | 28 JUN 2025 |
| 3. | **PEMBACA METER** JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/JUN/03/KPBG | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 20 | 7(A) | 28 JUN 2025 |
| 4. | **PENYUNTING KANAN** JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2025/JUN/02/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 7(A) | 28 JUN 2025 |
| 5. | **PEKERJA AM TINGKAT I** PEJABAT DAERAH TUTONG E.1-2-3 EB.4 (BAHAGIAN V) 2025/JUN/03/KHDN | KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI | 01 | 7(A) | 30 JUN 2025 |
| 6. | **MERINYU PEMASANGAN** JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUN/03/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 02 | 7(A) | 30 JUN 2025 |
| 7. | **PENOLONG PERANCANG** JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUN/05/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 01 | 7(A) | 30 JUN 2025 |
| 8. | **PENGUASA** JABATAN KERJA RAYA, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.2 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/04/KPBG | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 02 | 38(B) | 30 JUN 2025 |
| 9. | **PENOLONG PERMAKANAN HOSPITAL** KEMENTERIAN KESIHATAN D.3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/03/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 7(A) | 30 JUN 2025 |
| 10. | **PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT I** BAHAGIAN INDUSTRI DAN EKOSISTEM PERNIAGAAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI B.3 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/01/KKW | KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI | 03 | 38(A) | 02 JULAI 2025 |
| 11. | **PENOLONG PENYUNTING TINGKAT II** JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI C.2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUN/06/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 02 | 7(A) | 02 JULAI 2025 |
| 12. | **JURUTERA KERJA** JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN B.3 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/01/KPBG | KEMENTERIAN PEMBANGUNAN | 01 | 38(A) | 02 JULAI 2025 |
| 13. | **PEMBANTU TEKNIK** JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/01/KKBS | KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN | 02 | 7(A) | 02 JULAI 2025 |

PERINGATAN:

1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG"
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Pusat Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
MOE / LTK / 02 / 2025 / 2026 (PTP-APRIL-2025)

**Tajuk Tawaran:**
Phase 2024/2025: Procurement of Learning Devices for Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND35.00 (Bayaran Yuran Tawaran sebanyak BND30.00 dan E-Dokumen sebanyak BND5.00 tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
22 Julai 2025, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
16 Julai 2025 (Rabu)
jam 2.45 Petang

**Pusat Teknologi Pendidikan Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
MOE / LTK / 01 / 2025 / 2026 (PTP-APRIL-2025)

**Tajuk Tawaran:**
Phase 2024/2025: Procurement of Interactive Panels and Network Attached Storage (NAS) for Ministry of Education

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND35.00
(Bayaran Yuran Tawaran sebanyak BND30.00 dan E-Dokumen sebanyak BND5.00 tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup dan Waktu:**
22 Julai 2025,
Selasa,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

**Tarikh Terakhir Mengambi Dokumen Tawaran:**
16 Julai 2025
(Rabu)
jam 2.45 Petang

## JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 04 / 2025 - 2026

**Keterangan:**
Mencetak, Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Kompilasi Pendidikan Islam Bagi Tahun 4 Dan Tahun 5 Dan Buku Pendidikan Islam Bagi Tahun 2, Sesi Pembelajaran Tahun 2025, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1446H-1447H / 2025M-2026M

**Bayaran Yuran Tawaran**:
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
25 Jun 2025

## KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

**Jabatan Hal Ehwal Syariah Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran** :
13 / JS / A / 14 / 2024 PT. 2

**Keterangan:**
Tawaran Pembelian Kenderaan 12 Seater Bahagian Penguatkuasaan Ugama Daerah Brunei Muara

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
1 Julai 2025

## JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
08 / JPB / SH / 2025

**Keterangan:**
Meroboh Rumah Gantung, Penjara Jerudong, Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
10 / JPB / SH / 2025

**Keterangan:**
Supply & Installation Of Rocha Wall To Wall Carpet Fixing With 7mm Underlay

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
11 / JPB / SH / 2025

**Keterangan:**
Membekalkan Perkakas Dapur Bagi Penjara Maraburong Fasa 3

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
13 / JPB / SH / 2025

**Keterangan:**
Perkakas Bahan Pembinaan Pondok Pembuangan Sampah

**Bilangan Tawaran Sebut Harga:**
14 / JPB / SH / 2025

**Keterangan:**
Student Chair With Writing Table

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa, 8 Julai 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

**Waktu-Waktu Menerima / Mengambil Dokumen Tawaran**
Isnin – Khamis:
8.00 Pagi Hingga 11.30 Pagi
Sabtu
8.00 Pagi Hingga 10.00 Pagi

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Jabatan Perkhidmatan Pengurusan Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Rujukan dan Tajuk Sebut Harga:**
JPP / 1 / 3 /16 / 1 / 25-26
Pembuatan Video dan Grafik bagi Pengurniaan Anugerah Inovasi Perdana sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-32, Tahun 2025

**Yuran Sebut Harga (E-dokumen):**
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 25 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

## KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Tawaran:**
(10-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Tawaran:**
Pembekalan Barangan Keperluan Asasi Bagi Keperluan Bencana Daerah Belait Untuk Tempoh 18 Bulan

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
1 Julai 2025

**Bilangan Tawaran:**
(09-2025) JAPEM / 2.3 / 4 / 03

**Tajuk Tawaran:**
Pembekalan Barangan Keperluan Asasi Bagi Keperluan Bencana Daerah Brunei-Muara Dan Temburong Untuk Tempoh 18 Bulan

**Tarikh Tutup :**
Selasa,
1 Julai 2025

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
KK / 147 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Two (2) Ophthalmic Ultrasound System For Eye Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 148 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply And Delivery Medical Consumables For Radiology Department, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of One (1) Year

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 149 / 2025 / UPP

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Linen For Dobi And Linen Unit At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 152 / 2025 / SSBH

**Keterangan:**
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Patient Trolley For Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 153 / 2025 / SSBH (TC)

**Keterangan:**
The Management And Operation Of Café / Canteen Concession For Learning And Health Development Center (LHDC) Of Suri Seri Begawan (SSB) Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK / 154 / 2025 / ESTETMOH (TC)

**Keterangan:**
Three (3) Years Term Contract For Building Maintenance And Civil Works To MOH Complex Building And DSS (Serasa Branch)

**Kelayakan Pemborong / Pembekal:**
Berdaftar dengan Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan

**Kelas / Kategori:**
Kelas : II dan III
Kategori : B01 dan KA01

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
1 Julai 2025
Tidak Lewat 2.00 Petang

## JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

**Kelas :**
II & III Sahaja

**Kategori :**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM014 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JKR.02

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Lantai Dan Siling Di Blok A Dan Blok C, Jabatan Perkhidmatan Bangunan – Fasa 3

**Kelas :**
II Sahaja

**Kategori :**
B01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM015 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JUB.03

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Membaik Pulih Bangunan Di Masjid Pehin Dato Imam Haji Abdul Mokti, Kampung Burong Pingai Ayer, Brunei Darussalam

**Kelas :**
II & III Sahaja

**Kategori :**
B01 & KA01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM018 / 2025

**Bil. Projek**
2025DBSBM / JPM.02

**Nama Projek:**
Kontrak Penggal (24 Bulan) Bagi Kerja Pembaikan Dan Mengecat Semula Di Taman SOAS, JKR No.281, 287 Dan 296, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa, 1 Julai 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Selasa, 22 Julai 2025
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

## JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga :**
(54) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga :**
Perkhidmatan Penghantaran Akhbar Pelita Brunei Dari Cawangan Penerangan Daerah Secara Kontrak Selama Tujuh (7) Bulan.

**Yuran :**
Dikenakan Bayaran BND 5.00

**Tarikh Tutup :**
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 8.00 Pagi.

**1. Bilangan Sebut Harga :**
(55) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga :**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan (Servicing) Bagi Toyota Land Cruiser Prado – BG 8972, Jabatan Penerangan.

**2. Bilangan Sebut Harga :**
(60) INFO / PK / K / 7 (2025 - 2026)

**Tajuk Sebut Harga :**
Kerja-Kerja Penyelenggaraan (Air-Conditioner) Bagi Toyota Land Cruiser Prado – BG 8972, Jabatan Penerangan.

**Yuran :**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup :**
Khamis, 26 Jun 2025
Jam 8.00 Pagi

## JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Pemberitahuan Invitation For Expression Of Interest (EOI)**

**Nombor Rujukan**
JPH / SH / EOI / 2550 / 2025 - 2026

**Tajuk**
Invitation For Expression Of Interest (EOI) Bagi Projek Invest In Establishment Of Crocodile Rescue Estate In Brunei Darussalam

**Tarikh Buka Tawaran:**
Isnin,
26 Mei 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Isnin,
30 Jun 2025.

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
31 Julai 2025.

## JABATAN PERDANA MENTERI

**Pusat Pekerjaan Brunei Jabatan Perdana Menteri**

**Bilangan Tawaran:**
PPB / QTN / AAU / 2025 / 01

**Tajuk Tawaran:**
Tawaran Bagi Roofing Works at Pusat Pekerjaan Brunei (PPB) Building

**Yuran Tawaran:**
BND 5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
25 Jun 2025
Jam 2.00 Petang

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI**

**Kerja-Kerja Pemeliharaan Dan Pembersihan (Dalam) Bangunan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Selama 1 Tahun Mulai Pada 01 Ogos 2025 Hingga 31 Julai 2026**

**Kelas & Kategori :**
1, P06

**Bilangan :**
SPA / BPK / SBH / 02 / 2025

**Tarikh Buka Tawaran :**
Isnin, 16 Jun 2025

**Tarikh Akhir mengambil Dokumen tawaran :**
Sabtu, 21 Jun 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Sabtu, 05 Julai 2025

**Yuran Tawaran :**
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)

**Kerja-Kerja Pemeliharaan dan Pembersihan (Luar) Bangunan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Selama 1 Tahun Mulai Pada01 Ogos 2025 Hingga 31 Julai 2026**

**Kelas & Kategori :**
1, P06

**Bilangan :**
SPA / BPK / SBH / 01 / 2025

**Tarikh Buka Tawaran :**
Isnin, 16 Jun 2025

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Sabtu, 21 Jun 2025

**Tarikh Tutup Tawaran :**
Sabtu, 5 Julai 2025

**Yuran Tawaran :**
BND5.00 tunai
(Tidak dikembalikan)

---

**UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

**PENERBITAN IKLAN UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI**

1.UNISSA/SB0023/2025/2026 – Membekal Dan Menghantar Buku-Buku Rujukan (Fizikal & E-Book) Bagi Pusat Kajian Manuskrip Islam, Fakulti Bahasa Arab Dan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

2.UNISSA/SB0024/2025/2026 – Supply, Delivery, Testing, Commissioning And Warranty Of Smart Tv And Its Related Work Services For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

3.UNISSA/SB0025/2025/2026 – Supply, Delivery, Testing, Commissioning And Warranty Of P.A. System Work Services In Dewan Jubli, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

4.UNISSA/SB0026/2025/2026 – Kerja-Kerja Logistik Sempena Hafl Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

5.UNISSA/SB0027/2025/2026 – To Design, Fabricate, Supply And Install Logistic Materials For Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**Yuran Tawaran:**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 25 Jun 2025,

---

**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Sebut Harga:**
(09) NDMC / TSH / 2025 - 2026

**Tajuk Sebut Harga:**
Sebut Harga Perkhidmatan Pemotongan Rumput Berserta Pemuliharaan Pohon-Pohon Hiasan Dan Kawasan Luar Bangunan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Bagi Tempoh Kontrak (2) Dua Tahun

**Yuran:**
BND5.00 [Lima Ringgit Sahaja]

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 30 Julai 2025
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Kenyataan Tawaran**

**Tajuk Tawaran:**
Pengisian Semula Dan Pemeliharaan Alat Pemadam Api (Refill And Servicing Of Fire Extinguishers),
Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

**Rujukan Tawaran:**
JKED/TAWARAN/UPA/BL/Q/2025-03

**Tarikh Sesi Penerangan / Tinjauan (Briefing / Survey Session):**
Selasa, 24 Jun 2025, Jam 10:00 Pagi

**Tempat:**
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 1 Julai 2025 Jam 2.00 Petang

---

**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**

**Bil. Tawaran:**
UBD / E8 / 001 / 2025 - [G]

**Keterangan:**
The Supply, Install (Set Up), Deliver, And Commision Of One (1) Unit Unitree Humanoid Robot G1 Edu Ultimate A-U3 With Accessories To The School Of Digital Science (SDS), Universiti Brunei Darussalam

**Bayaran Dokumen & Pentadbiran:**
BND15.00
[Tidak dikembalikan]

**Tarikh Tutup :**
Selasa, 1 Julai 2025

---

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract For Grass Cutting In Kuala Belait & Seria Municipal Area

**Bilangan Tawaran:**
BBS / TOC / RT / GCKBSMA(6) / 2025 – 2028

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Isnin, 23 Jun 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 24 Jun 2025

---

**MAHKAMAH RENDAH SYARIAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Perintah Acara Mal Mahkamah-Mahkamah Syariah 2005**

**Saman Gantian**
**Dalam Mahkamah Rendah Syariah**
**Di Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam**

**Saman No. :**
**BM / MRS / P012A / P012A / 0320 / 05-2025**

**Kes Induk :**
**BM / MRS / MAL-B / MAL-B / S010A / 0319 / 05-2025**

**Antara**

**Aidah Binti Haji Abd Jalil - Plaintif / Pemohon**

**Dan**

**Sarudy Bin Puasa - Defendan / Responden**

Kepada : **Sarudy Bin Puasa** - No. Pasport : 00-263222 Beralamat (Alamat Terakhir) : **No. 3, Simpang 23, Jalan D, Kampung Perpindahan Mentiri. BU2129. Negara Brunei Darussalam**

Kamu adalah dengan ini disaman supaya hadir secara sendiri atau melalui Peguam Syarie kamu di hadapan **Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara** pada **Sabtu, 09 Muharam 1446H bersamaan / 05 Julai 2025M pada jam 2.00 Petang** untuk menjawab tuntutan terhadap kamu oleh plaintif yang dinamakan di atas, bagi **Tuntutan Cerai Fasakh.**

Sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar hadir di mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengarkan dan memutuskan kes tanpa kehadiran kamu.

Dan sila ambil perhatian bahawa jika kamu ingin membela diri terhadap tuntutan tersebut, kamu hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada Plaintif suatu pembelaan dalam Borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang disebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

**Bertarikh :**
**06 Zulhijah 1446H / 03 Mac 2025M**

**Meterai**
**Mahkamah Rendah Syariah Daerah Brunei dan Muara Negara Brunei Darussalam**

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**
**Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of Light Duty Pick-Up Truck For Department Of Electrical Services (Recall)

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 028 / 2025

**Tarikh Ditutup:**
24 Jun 2025 (Selasa)
Jam 2.00 Petang

**Boleh Diperoleh Daripada:**
Kaunter Unit Tawaran
dan Sebut Harga
Ibu Pejabat,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam

**Tempat Tutup:**
TENDER BOX
Pengerusi Lembaga
Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri
Basement Two (B2),
Bangunan Jabatan
Perdana Menteri,
Kompleks Jabatan
Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Syarikat-syarikat Yang Berdaftar Dengan
• Kategori ROCBN (Agen / Penjual Kenderaan Bermotor Baharu)

# PROGRAM SUA MUKA ERATKAN HUBUNGAN RAKYAT DENGAN KERAJAAN



**PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar yang juga selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah mengetuai rombongan Jabatan Penerangan pada Program Sua Muka.**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**TUTONG**, Khamis, 19 Jun. - Dalam usaha untuk menyampaikan maklumat mengenai isu-isu semasa, dasar kerajaan dan dalam masa yang sama untuk menerima maklum balas yang perlu diambil perhatian dan tindakan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Bahagian Cawangan Daerah, hari ini mengadakan Program Sua Muka bagi Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Mukim Kiudang, Daerah Tutong, bertempat di Ruang Legar, Masjid Pengiran Muda 'Abdul Wakeel, Kampung Kiudang, di sini.

Hadir mengetuai rombongan Jabatan Penerangan, Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar yang juga selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah.

Manakala bagi pihak Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus diketuai oleh Ketua Kampung Pengkalan Mau, Bakiau dan Batang Mitus, Awang Suhili bin Alas.

Turut hadir menyampaikan taklimat kepada para penduduk kampung ialah pegawai-pegawai dari Unified Smart Metering System Sendirian Berhad (USMS) dan Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-Komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI).

Program dimulakan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Imam Tingkat IV masjid berkenaan, Awang Mohd. Hizbullah bin Haji Mohd. Noah dan diteruskan dengan mukadimah daripada ketua rombongan diikuti dengan penerangan.

Awang Haji Fathi Foad dalam mukadimah beliau telah menekankan mengenai peranan Jabatan Penerangan sebagai lidah, mata dan telinga kerajaan dalam menyampaikan apa jua maklumat yang terkini, dasar-dasar kerajaan dan isu-isu semasa kepada rakyat dan penduduk di negara ini melalui beberapa landasan yang antara lain ialah Program Sua Muka dan juga melalui terbitan akhbar rasmi Pelita Brunei.

Salah satu program di bawah strategi kerja Jabatan Penerangan, iaitu Komunikasi Bersemuka yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung.

Program Sua Muka turut diisikan dengan sesi dialog bersama penduduk kampung mengenai isu-isu yang dibangkitkan yang antara lain berkaitan dengan prasarana dan kemudahan awam serta hal-hal lain.





**ANTARA yang hadir pada program yang dihasratkan untuk meningkatkan hubungan dua hala antara pihak kerajaan-rakyat dan rakyat-kerajaan dengan membarigakan maklumat dan mengendalikan program hubungan masyarakat yang dapat menyumbang kepada perkembangan dan kemajuan mukim atau kampung (kiri dan kanan).**



PELITA BRUNEI

# 5 WARGA TEMPATAN DITAHAN ATAS KEGIATAN PENYELUDUPAN DADAH

**Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik**



**BIRO Kawalan Narkotik (BKN) merungkai penglibatan lima warga tempatan berumur 22 hingga 38 tahun dalam kegiatan penyeludupan dadah yang didalangi oleh sindiket dadah antarabangsa (atas, kanan dan kanan sekali).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) telah merungkai penglibatan lima warga tempatan berumur 22 hingga 38 tahun dalam kegiatan penyeludupan dadah yang didalangi oleh sindiket dadah antarabangsa. Mereka telah ditahan di lokasi yang berasingan pada minggu terakhir bulan Mei 2025.

Siasatan pihak BKN mendapati bahawa kesemua yang ditahan telah direkrut oleh sindiket dadah antarabangsa yang berpangkalan di negara jiran untuk menghantar bekalan dadah ke negara destinasi secara penyeludupan.

Empat daripada yang ditahan telah beberapa kali berjaya menyeludup dadah ke beberapa buah negara di Benua Eropah menerusi negara ketiga. Dadah tersebut kemudian diserahkan kepada ahli-ahli sindiket yang telah ditugaskan menunggu di beberapa tempat yang ditentukan dan penyerahan dadah dibuat mengikut taktik-taktik yang biasa digunakan oleh sindiket pengedar dadah antarabangsa.

Salah seorang daripada mereka hanya berperanan merekrut penduduk tempatan untuk terlibat dalam kegiatan yang dijalankan tetapi mendapat komisen setelah penyeludupan ke negara destinasi berjaya dibuat.

Hasil daripada kegiatan mereka ini diketahui dapat meraih imbalan kewangan yang dianggarkan berjumlah BND21,000 secara menyeluruh. Anggaran jumlah dadah yang berjaya diseludup menerusi negara ketiga ialah sebanyak 68 kilogram ganja dengan nilai anggaran berjumlah lebih daripada BND1 juta di negara destinasi.

Modus operandi sindiket ini ialah dengan merekrut rakyat tempatan untuk memperoleh bekalan dadah yang disembunyikan di dalam bagasi khas untuk diseludup dari negara jiran ke negara lain di Benua Eropah dengan janji bayaran yang lumayan.

Segala kos penghantaran seperti penginapan, tiket penerbangan dan pengangkutan ditanggung sepenuhnya oleh sindiket berkenaan. Selain itu, mereka juga digalakkan untuk merekrut individu lain untuk terlibat sama bagi memastikan aktiviti penyeludupan dadah dapat dijalankan secara berterusan.

Penglibatan warga tempatan dalam jenayah yang serius di luar negara adalah sangat membimbangkan. Di kesempatan ini, BKN ingin mengingatkan orang ramai agar tidak terpedaya dengan tipu helah penjenayah yang menawarkan pendapatan wang secara mudah dan lumayan.

Semua pihak perlu sentiasa berwaspada menerima tawaran kerja dengan ganjaran yang mencurigakan dan dikhuatiri boleh membawa kesalahan dari sisi undang-undang di luar negara, pemenjaraan dan mendatangkan bahaya kepada keselamatan masing-masing. Penyertaan dalam kegiatan jenayah tanpa disedari dan sengaja bukan satu alasan pembelaan diri yang boleh diterima sebaiknya.

BKN juga tidak lupa merakamkan ucapan penghargaan kepada agensi-agensi perisikan dan penguatkuasaan keselamatan dalam dan luar negara atas bantuan dan kerjasama yang diberikan ke arah menjayakan operasi ini.





# Meningkatkan kesiapsiagaan, kecekapan anggota penyelamat

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 19 Jun. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) hari ini mengadakan satu Latihan Dalaman Operasi Menyelamat : 'Eksesais Lapu' di kawasan Kampong Ayer yang melibatkan simulasi insiden kecemasan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di dalam bangunan sekolah dan di permukaan air.

Latihan berkenaan bertujuan untuk menguji keberkesanan Prosedur Operasi Standard (SOP) dalam situasi kecemasan di air, meningkatkan kesiapsiagaan dan kecekapan anggota penyelamat, menguji cuba tahap kesiapsiagaan jentera dan perahu; dan mempromosi kesedaran keselamatan awam, terutamanya dalam kawasan perumahan dan sekolah di Kampong Ayer.

Simulasi melibatkan beberapa senario seperti kebakaran bilik darjah di sekolah, mangsa terperangkap dan terjatuh ke air, serta pemindahan warga sekolah ke tempat selamat. Pelaksanaan latihan berkenaan telah dirancang rapi bagi memastikan tiada gangguan terhadap keselamatan awam dan semua aktiviti dilakukan dalam kawalan serta pemantauan JBP.

Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'G', Penguasa Kanan Bomba dan Penyelamat, Awang Syu'aib bin Kifli, selaku Pengerusi Bersama Eksesais Lapu semasa temu ramah mengatakan latihan berkenaan adalah bagi menguji kefahaman, kecekapan komunikasi, peranan serta kepatuhan kepada SOP yang sedia ada, iaitu kecemasan yang memerlukan tindak balas awal dari balai bomba berdekatan serta bantuan segera dari balai dan unit lain seperti pengkerahan Unit Penyelam, Unit SATREA (Special Technical Rescue Assistance Team), Unit Fire Medic, Unit Drone serta bantuan daripada sukarelawan dari Kampung Setia.

Sementara itu, Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'D', Penguasa Bomba dan Penyelamat Awang Mushidee bin Junaidi, selaku Pengerusi Bersama bagi eksesais berkenaan pula menyatakan dalam menjalankan operasi memadam dan menyelamat juga terdapat beberapa cabaran seperti keadaan cuaca dan persekitaran, keadaan air (berombak, pasang surut), orang awam yang panik serta koordinasi dan komunikasi yang memainkan peranan penting.

Dengan kerjasama daripada Pemangku Ketua Kampung Zon 2 Kampong Ayer, Awang Haji Mayalin bin Haji Saat, telah melantik sukarelawan bomba seramai empat orang dari Kampung Setia 'A' dan Kampung Saba Darat 'B', yang memainkan peranan dengan memberi respons awal kebakaran dengan menggunakan peralatan memadam kebakaran yang telah dibekalkan oleh JBP.

Orang ramai juga telah dimaklumkan bahawa latihan berkenaan adalah latihan terkawal dan bukan insiden sebenar. Sebarang kehadiran jentera bomba atau pergerakan anggota penyelamat sepanjang latihan adalah sebahagian daripada simulasi yang dirancang.

JBP merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat serta penduduk Kampong Ayer atas kerjasama padu yang telah diberikan dalam menjayakan latihan berkenaan.







**LATIHAN Dalaman Operasi Menyelamat : 'Eksesais Lapu' di kawasan Kampong Ayer yang melibatkan simulasi insiden kecemasan kebakaran dan operasi mencari dan menyelamat (SAR) di dalam bangunan sekolah dan di permukaan air (kiri, atas kanan dan kanan).**

# MEMUPUK CELIK DIGITAL, MENGGALAKKAN MINAT DALAM PENDIDIKAN STEM

**Siaran Akhbar dan Foto : Dynamik Technologies**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 20 Jun. - Lebih 15 pelajar daripada pelbagai sekolah mengambil bahagian dalam Bengkel Pengekodan Mini selama dua hari anjuran Dynamik Technologies sempena musim cuti persekolahan.



Sesi berkenaan memperkenalkan para peserta kepada asas pengekodan dengan menggunakan Micro:bit melalui aktiviti *hands-on* bertemakan muzik dan robotik.

Inisiatif berkenaan adalah sebahagian daripada komitmen berterusan Dynamik Technologies dalam memupuk celik digital dan menggalakkan minat dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (Science, Technology, Engineering and Mathematics - STEM) dalam kalangan pelajar muda.

**PARA pelajar semasa menyertai aktiviti yang diadakan pada Bengkel Pengekodan Mini selama dua hari anjuran Dynamik Technologies sempena musim cuti persekolahan.**




TREND

# 'Pickleball' trend sukan terbaharu semakin digemari

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Ihsan BPGSC Community**




***PICKLEBALL*** adalah sukan raket ringan yang menggabungkan elemen tenis, badminton dan ping pong. Diperkenalkan pada tahun 1965 di Amerika Syarikat, sukan ini kini semakin meraih populariti di peringkat global kerana mudah dipelajari, tidak terlalu lasak dan sesuai untuk semua peringkat umur. Sukan ini juga sesuai untuk dimainkan oleh warga emas kerana ia merupakan permainan atau sukan yang bukan agresif. Meskipun sukan ini belum mencapai tahap populariti seperti badminton atau tenis, *pickleball* kini mula mencuri perhatian masyarakat di seluruh dunia termasuk Indonesia, Malaysia dan juga Negara Brunei Darussalam (NBD) tidak ketinggalan mengikuti trend sukan ini.

*Pickleball* merupakan sukan yang menggunakan padel (raket) dan dimainkan di gelanggang bersaiz lebih kecil daripada gelanggang tenis, berukuran 20 kaki lebar (6.1 meter) dan 44 kaki (13.4 meter) panjang dengan jaring yang berketinggian 36 inci di kedua-dua belah dan berukuran 34 inci di tengah. Ia boleh dimainkan secara perseorangan (*singles*) atau berpasangan (*doubles*) dan menggunakan sejenis raket kecil yang diperbuat daripada kayu, komposit atau karbon serta bola plastik berlubang yang ringan.

Peraturan asas permainan ini adalah mudah. Pemain hanya perlu memukul bola merentasi jaring tanpa membiarkannya jatuh di kawasan sendiri, dengan sistem pengiraan mata berdasarkan servis. Salah satu keunikan permainan ini ialah adanya kawasan yang dipanggil zon larangan (*non-volley zone*) berhampiran jaring. Pemain dilarang memukul bola di udara di kawasan ini bagi mengelakkan permainan menjadi terlalu agresif. Peraturan ini menjadikan permainan lebih strategik serta mengurangkan risiko kecederaan.

Di NBD, semakin banyak gelanggang *pickleball* dibuka. Antaranya ialah Burong Pingai Garage Sports Centre (BPGSC), Peak Club, Brunei Shell Recreation Club (BSRC), Panaga Club, Pickleball Lounge, The Empire Country Club, DAR Takaful (yang digunakan sebagai Dewan Serbaguna) serta Ace Badminton Court yang menyediakan satu gelanggang *pickleball*. Selain itu, terdapat juga beberapa lokasi lain yang sedang giat menganjurkan permainan ini secara tidak rasmi.

**Mengapa *pickleball* semakin popular?**

Kepesatan penyebaran *pickleball* di seluruh dunia banyak didorong oleh beberapa faktor utama. Pertama, sukan ini mudah untuk dimainkan, tidak memerlukan kemahiran tinggi atau kekuatan fizikal yang keterlaluan. Justeru, ia sesuai untuk semua golongan umur termasuk kanak-kanak dan warga emas.

Kedua, kos permulaan untuk bermain *pickleball* agak rendah berbanding sukan yang lain, kelengkapan seperti raket dan bola *pickleball* boleh didapati dengan harga yang berpatutan dan gelanggangnya pula boleh disesuaikan daripada gelanggang badminton sedia ada.

Ketiga, *pickleball* turut menjadi alat penting dalam mengeratkan hubungan sosial dalam komuniti. Permainan ini sering dimainkan dalam suasana santai sekali gus menjadi platform interaksi sosial yang sihat. Malah di sesetengah negara, *pickleball* telah dijadikan sebagai sebahagian daripada aktiviti pemulihan kesihatan fizikal dan mental bagi warga emas.

Tidak dapat dinafikan bahawa media sosial juga memainkan peranan besar dalam melonjakkan populariti *pickleball*. Rakaman video pendek permainan *pickleball* sering menjadi tular di platform seperti TikTok, YouTube dan Instagram. Selain itu, beberapa selebriti sukan dan pempengaruh di luar negara turut mempromosikan *pickleball* sebagai sukan harian mereka. Ini secara tidak langsung memberi pengaruh besar terhadap persepsi masyarakat terhadap *pickleball* dan menjadikannya sebagai satu gaya hidup aktif dan sihat.

Secara keseluruhannya, *pickleball* bukan sahaja membawa elemen keseronokan dan kecerdasan, malah turut menyumbang kepada pengukuhan hubungan sosial dalam kalangan pemain. Dengan pelbagai kelebihan yang ditawarkan, tidak mustahil sukan ini akan terus berkembang dan menjadi pilihan utama masyarakat termasuk di NBD. Sudah tiba masanya kita mencuba sendiri pengalaman bermain *pickleball* dan menyertai gelombang trend sukan ini.

# 15 USAHAWAN SERTAI PROGRAM BIBD SEED KOHORT KE-7

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 20 Jun. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) hari ini mengadakan Majlis Menandatangani Surat Anugerah untuk Kohort Ke-7 Program BIBD SEED, menandakan satu kejayaan penting dalam misi berterusan untuk memupuk keusahawanan tempatan dan memperkasa perniagaan di Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan menyerlahkan komitmen BIBD terhadap keusahawanan bertanggungjawab, yang merupakan tonggak pertama dalam Rangka Kerja Kelestarian, yang bertujuan untuk memupuk perniagaan yang beretika, inklusif dan berdaya tahan serta menyumbang kepada kemakmuran negara jangka panjang.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Ketua Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Awang Zulhazransa bin Haji Emran, yang juga menandatangani surat anugerah bagi pihak BIBD.

Awang Zulhazransa dalam ucapannya menyatakan bahawa BIBD berbangga melihat para peserta Kohort Ke-7 Program BIBD SEED memulakan perjalanan keusahawanan mereka.

Beliau seterusnya menekankan bahawa Program BIBD SEED bukan sekadar latihan tetapi ia juga tentang membina keyakinan, daya tahan dan semangat tujuan dalam kalangan bakal pemilik perniagaan negara.

Awang Zulhazransa juga menyatakan bahawa komitmen BIBD melangkaui sokongan kewangan. BIBD berdedikasi untuk mewujudkan satu ekosistem di mana usahawan, terutamanya wanita, boleh berkembang maju dan menyumbang secara bermakna kepada pembangunan NBD.

Pada tahun ini, seramai 15 penerima baharu telah dialu-alukan ke dalam Program BIBD SEED, yang mewakili pelbagai latar belakang dan agensi, termasuk dari kementerian-kementerian dan orang awam sekali gus mencerminkan komitmen Program BIBD SEED terhadap keterangkuman dan akses sama rata kepada peluang yang ada.

Kini memasuki tahun ketujuh, program berkenaan dimulakan dengan kem latihan intensif yang diadakan pada Mei 2025, yang telah berjaya diselesaikan oleh kesemua 15 peserta.




SESI bergambar ramai pada Majlis Menandatangani Surat Anugerah untuk Kohort Ke-7 Program Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) SEED.

Program BIBD SEED berlangsung selama enam bulan, menawarkan latihan dan bimbingan komprehensif untuk melengkapkan peserta dengan kemahiran dan sokongan yang diperlukan untuk memulakan, mengurus dan mengekalkan perniagaan mereka.

Setelah tamat program, peserta akan membentangkan bidang perniagaan mereka dan berpeluang untuk menerima geran perniagaan, yang akan menyokong perjalanan keusahawanan mereka dan memacu sumbangan kepada ekonomi tempatan.

Melalui Program BIBD SEED, para peserta diberi kuasa bukan sahaja untuk menyara keluarga mereka tetapi juga untuk menerapkan nilai-nilai kerja keras, ketekunan dan daya tahan dalam kalangan ahli keluarga mereka.

# Cicak Jambul Hijau / Green Crested Lizard

**Nama Binatang :** Green Crested Lizard

**Nama Tempatan :** Cicak Jambul Hijau / Cicak Kubing

**Nama Saintifik :** : Bronchocela cristatella

**CITES :** Appendix II

**Order :** Quamata

**Kelas Spesies :** Reptilia

**IUCN :** Least concerned / Kurang membimbangkan




Sumber Foto : Haji Rusdi bin Haji Abd. Latif, BWPC 2022 JPH, R002-001-5

**DALAM** edisi Kenali Hidupan Liar Kitani bulan ini, kita akan mengenali spesies reptilia yang menarik iaitu Cicak Jambul Hijau. Dengan penampilannya yang menarik dan keupayaan yang luar biasa untuk menukar warna, spesies ini benar-benar mempunyai keajaiban alam semula jadi dan juga memainkan peranan penting dalam ekosistem kita. Mari kita sama-sama selami dan ketahui lebih lanjut tentang spesies yang menarik ini.

Cicak Jambul Hijau (Bronchocela cristatella) ialah spesies reptilia yang menarik berasal dari hutan tropika yang subur di Asia Tenggara, termasuk di Negara Brunei Darussalam. Terkenal dengan warna hijau yang terang, cicak ini mempunyai keupayaan luar biasa untuk menukar warna apabila merasakan bahaya. Ia mempunyai badan yang langsing dan memanjang, ekor yang panjang dan jambul yang menonjol di sepanjang leher dan belakangnya, menjadikannya mudah dikenali. Satu lagi ciri menonjol ialah matanya yang besar dan sentiasa berwaspada, yang membolehkannya mengesan pergerakan dan sentiasa awas terhadap potensi ancaman.

Cicak Jambul Hijau dewasa biasanya berukuran antara 30 hingga 40 sentimeter panjang, termasuk ekornya yang panjang. Cicak Jambul Hijau jantan biasanya lebih langsing daripada betina dan selalunya mempunyai jambul yang lebih menonjol. Spesies ini membiak di hutan tropika, taman, dan kawasan tanah rendah yang penuh dengan tumbuhan. Mereka biasanya dilihat berehat didahan pokok, pokok renek dan dedaunan, di mana warna hijaunya

**Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**

membantu mereka susah untuk dilihat. Cicak ini menggemari persekitaran lembap dan cenderung untuk tinggal di tempat yang mempunyai campuran cahaya matahari dan naungan untuk mengekalkan suhu badan mereka. Apabila bercakap tentang tabiat pemakanan, Cicak Jambul Hijau adalah pemakan semut, belalang, kumbang dan serangga-serangga kecil. Kadangkala, mereka juga boleh makan invertebrata kecil. Di dalam ekosistem, Cicak Jambul Hijau memainkan peranan penting dalam mengawal populasi serangga, membantu mengekalkan keseimbangan alam sekitar.

Apabila bercakap tentang pembiakan, Cicak Jambul Hijau biasanya menghasilkan antara satu hingga empat telur setiap musim bertelur. Telur ini disimpan dengan teliti di tempat tersembunyi, seperti tanah longgar atau daun-daun kering, untuk memastikan ia selamat daripada pemangsa. Selepas beberapa bulan, anak Cicak Jambul Hijau boleh berdikari sepenuhnya. Walau bagaimanapun, seperti kebanyakan spesies hidupan liar lain, Cicak Jambul Hijau menghadapi ancaman yang semakin meningkat akibat aktiviti manusia, termasuklah kemusnahan habitat dan perubahan iklim. Menurut Senarai Merah IUCN, spesies ini diklasifikasikan sebagai 'kurang membimbangkan' tetapi kehilangan habitat boleh membahayakan populasinya pada masa hadapan. Selain itu, ia disenaraikan di bawah Apendiks II CITES, bermakna perdagangannya dikawal selia untuk mengelakkan penurunan populasi.

Cicak Jambul Hijau juga mencerminkan kepelbagaian biologi di negara *kitani* dan menawarkan peluang berharga untuk pertumbuhan ekonomi melalui usaha pemuliharaan dan pelancongan berasaskan alam semula jadi. Dengan mengutamakan perlindungan spesies ini, kita boleh mengukuhkan program pemuliharaan hidupan liar kita dan meningkatkan kesedaran tentang kepentingan memelihara makhluk unik ini. Populasi Cicak Jambul Hijau yang sihat juga menyumbang kepada ekosistem yang seimbang, memberi manfaat seperti kepada sektor pertanian dan perikanan dengan menggalakkan kestabilan alam sekitar. Dengan melindungi Cicak Jambul Hijau, kita bukan sahaja memastikan kelangsungan hidupnya tetapi juga melindungi kemampanan dan kesihatan alam sekitar kita untuk generasi akan datang.

Sila ikuti setiap keluaran kapsul bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry. brunei.* Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani.*



# Interaksi berkongsi pengalaman, peluang, perkembangan semasa

Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis

PROGRAM Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels diteruskan lagi dengan beberapa aktiviti dan perbincangan yang menarik serta interaksi terbuka mengenai beberapa tajuk yang disediakan awal oleh penganjur.

Dalam kesempatan yang berharga ini, para jurnalis juga berpeluang mengikuti taklimat menarik yang bertajuk Erasmus+ and overview of Maria Curie-Sklodowska Actions (MCSA) yang disampaikan oleh Policy Officer, International Cooperation Unit, Directorate-General for Education and Culture.

Erasmus+ ialah program utama Kesatuan Eropah (EU) dalam bidang pendidikan, latihan, belia dan sukan. Ia bertujuan untuk menyokong pembelajaran sepanjang hayat, meningkatkan kemahiran dan kebolehpasaran, serta memupuk rasa identiti dan perpaduan EU.

Manakala MCSA adalah sebahagian daripada program Horizon Europe dan bertujuan untuk menyokong pembangunan kerjaya penyelidik melalui latihan berkualiti tinggi, mobiliti antarabangsa, dan kerjasama antara sektor. Kedua-dua Erasmus+ dan MCSA melengkapkan satu sama lain dalam membina EU yang lebih berpengetahuan, inovatif dan inklusif.

EU sentiasa membuka ruang kepada pelajar dan penyelidik untuk mengembangkan pendidikan mereka di EU melalui Program Erasmus+ dan MCSA, dengan adanya peluang ini, rangkaian pendidikan dapat diperluas dan akan lebih ramai pelajar dan penyelidik mengembangkan pendidikan dan penyelidikan mereka di EU.

Oleh itu, melalui Program Erasmus+, peluang terbuka untuk menyambung dan membuat penyelidikan di universiti-universiti di benua Eropah kepada pelajar-pelajar antarabangsa termasuk di Negara Brunei Darussalam (NBD) malah terdapat beberapa pelajar dan penyelidik di negara ini telah menyertai program tersebut dan setentunya perlu diperkembangkan lagi bagi meraih peluang keemasan tersebut.

Selain itu juga, para jurnalis juga berpeluang berinteraksi bersama Director at The European Institute for Asian Studies, Lin Goethals dan juga Senior Associate and Member of The Advisory Board and Policy Officers, Xavier Nuttin. Pada pertemuan ini, para jurnalis berpeluang mendengarkan pengalaman, menimba ilmu dan bertukar-tukar pandangan mengenai Asian Studies dan juga European Institute.

**Kepentingan strategik**

Dalam usaha mencerminkan pendekatan EU yang inklusif dan berpaksikan kepada peraturan khususnya dalam usaha memperkukuhkan hubungannya bersama dengan negara-negara di Indo-Pasifik, EU telah mengumumkan The EU Strategy for Cooperation in The Indo-Pacific yang memberikan tindak balas kepada kepentingan geopolitik, ekonomi dan strategik yang semakin meningkat di rantau berkenaan.

Antara matlamat strategi tersebut ialah memperkukuh perkongsian ekonomi dan perdagangan; menegakkan peraturan antarabangsa dan tadbir urus global; menangani perubahan iklim dan cabaran alam sekitar; kerjasama keselamatan dan maritim; transformasi digital dan sambungan dan hubungan rakyat ke rakyat dan pendidikan.

Demikian gambaran secara umum yang diperoleh melalui perkongsian dalam taklimat bertajuk 'EU Strategy for Cooperation in The Indo-Pacific' yang disampaikan oleh Advisor on The Implementation of The EU – Indo-Pacific Strategy, Managing Directorate for Asia and The Pacific.

Para jurnalis yang mengikuti Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels juga berpeluang berkongsi maklumat dan pandangan serta sedikit sebanyak menimba ilmu khususnya dalam subjek berkenaan.

Selain perbincangan tersebut, para jurnalis juga diberikan penerangan mengenai The Global Gateway and Global Gateway Investment Agenda (GGIA) yang disampaikan salah seorang wakil daripada Unit for Effective Development Policy and Team Europe, Directorate-General International Partnerships.

**Perkongsian bersama**

Global Gateway adalah strategi utama EU untuk membina perkongsian global yang berdaya tahan dan mampan dalam bidang infrastruktur dan pembangunan, dilancarkan pada Disember 2021. Ia adalah tindak balas EU terhadap keperluan dunia untuk pelaburan berkualiti tinggi, berasaskan nilai dan berpaksikan prinsip keterbukaan, ketelusan, serta kelestarian sekali gus sebagai alternatif kepada model pelaburan yang menimbulkan kebimbangan mengenai ketergantungan hutang atau kurang ketelusan.

Manakala GGIA merupakan perincian projek-projek pelaburan strategik yang dikenal pasti oleh EU bersama rakan-rakan global dengan tumpuan kepada Afrika, Amerika Latin dan Caribbean, Asia, Indo-Pasifik dan Eropah Timur.

Global Gateway dan GGIA adalah manifestasi kesungguhan EU untuk memainkan peranan utama dalam pembangunan infrastruktur global yang beretika dan mampan, memupuk hubungan jangka panjang dengan negara rakan kongsi berdasarkan nilai bersama, dan menyumbang kepada peralihan hijau dan digital global.

Kemudian, dalam masa yang sama, para jurnalis juga mengikuti taklimat yang bertajuk EU - Brunei relations and EU - ASEAN relations yang disampaikan oleh Head of Division for Southeast Asia dan rakan-rakan beliau yang lain.

Dalam taklimat ini, para jurnalis bersama penyampai, bertukar-tukar pandangan, cadangan malah berkongsi informasi yang bermanfaat untuk kepentingan di antara kedua-dua agensi. Apa yang penting, NBD telah menjalinkan hubungan bersama dengan EU sejak tahun 1984 lagi iaitu selepas kemerdekaan negara kita yang berdaulat. Hubungan tersebut terus terjalin melalui kerjasama politik, ekonomi, perdagangan, pendidikan dan melalui platform serantau seperti ASEAN.



PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# SISTEM PERTAHANAN UDARA IRAN BERTINDAK BALAS TERHADAP SERANGAN ISRAEL

**ISTANBUL**, 20 Jun. - Sistem pertahanan udara Iran bertindak balas terhadap serangan udara Israel di ruang udara Gorgan, lapor Anadolu Ajansi memetik media tempatan Iran pada Jumaat.

Menurut laporan, serangan dikesan antara pasukan Iran dan Israel di ruang udara bandar Gorgan, ibu kota Wilayah Golestan di timur laut Iran.

Ketegangan memuncak sejak Jumaat lalu apabila Israel melancarkan serangan udara ke atas beberapa lokasi di Iran, termasuk kemudahan ketenteraan dan nuklear, sekali gus mencetuskan serangan balas dari pihak Tehran.

Sementara itu, menurut laporan media Iran, serangan Israel mengorbankan seramai 639 orang, manakala lebih 1,300 lagi cedera. - ©BERNAMA

## Jepun kerah dua pesawat pertahanan untuk pemindahan rakyatnya dari Timur Tengah

**TOKYO**, 19 Jun. - Jepun akan menghantar dua pesawat Angkatan Pertahanan Diri (SDF) ke Afrika Timur bagi kemungkinan pemindahan rakyatnya dari Timur Tengah ekoran konflik yang semakin memuncak antara Israel dan Iran, lapor agensi berita Kyodo yang memetik Menteri Pertahanan, Gen Nakatani pada Khamis.

Nakatani memberitahu pemberita bahawa dua pesawat pengangkut C-2, yang membawa kira-kira 120 anggota SDF akan ditempatkan di pangkalan SDF di Djibouti untuk siap siaga.

Langkah itu diambil susulan permintaan oleh Menteri Luar, Takeshi Iwaya pada awal hari yang sama. Menurut sumber kerajaan, kedua-dua pesawat dijadual berlepas dari Jepun pada Sabtu.

"Situasi di Timur Tengah semakin tegang apabila Israel dan Iran terus melancarkan serangan balas antara satu sama lain," kata Nakatani sambil menjelaskan bahawa Kerajaan Jepun masih berada di peringkat persiapan bagi sebarang operasi pemindahan.

Kementerian Pertahanan kini sedang mengenal pasti jumlah rakyat Jepun yang ingin meninggalkan kawasan konflik kira-kira 280 orang di Iran dan 1,000 orang di wilayah dikuasai Israel.

Sebelum pesawat dikerahkan, seramai 10 anggota SDF telah dihantar ke rantau itu untuk mengumpul maklumat.

Jepun juga merancang untuk memindahkan kira-kira 90 rakyatnya dan ahli keluarga dari Tehran ke negara jiran Azerbaijan menggunakan bas, manakala rakyat Jepun yang berada di wilayah dikuasai Israel mungkin ditawarkan laluan pemindahan serupa ke Jordan, menurut sumber kerajaan.

Pada 13 Jun lalu, Israel melancarkan serangan ke atas kemudahan nuklear dan ketenteraan Iran, mendorong tindak balas dari Tehran.

Ketegangan terus meningkat dengan spekulasi bahawa Presiden Amerika Syarikat Donald Trump mungkin akan menyokong serangan Israel. - ©BERNAMA

## Ketua Eksekutif Amazon jangka AI kurangkan keperluan pekerja pejabat

**PORTLAND (Oregon)**, 18 Jun. - Pengurusan Amazon pada Selasa menjangkakan bahawa perisian kecerdasan buatan (AI) akan mengurangkan bilangan pekerja pejabat di syarikat e-dagang terbesar dunia itu, lapor agensi berita Jerman (dpa).

"Kita akan memerlukan lebih sedikit tenaga kerja bagi sesetengah tugas sedia ada, dan lebih ramai untuk melaksanakan tugasan jenis baharu," kata Ketua Eksekutif Amazon Andy Jassy dalam e-mel kepada kakitangan.

Beliau berkata sukar untuk meramalkan bagaimana tenaga kerja keseluruhan akan berkembang, namun "dalam beberapa tahun akan datang", peningkatan kecekapan hasil penggunaan AI dijangka membawa kepada pengurangan pekerja pejabat.

Amazon kini menggaji kira-kira 1.5 juta orang di seluruh dunia, termasuk sekitar 350,000 pekerja pejabat dalam pelbagai peranan, menurut laporan terdahulu.

Akhbar The Wall Street Journal melaporkan bahawa syarikat itu tidak menjangka pemberhentian kerja secara besar-besaran seperti pada 2022 dan 2023 dalam masa terdekat. Sebaliknya, jawatan kosong yang ditinggalkan tidak akan diisi semula. Namun, menurut sumber yang rapat dengan perkara itu, kemungkinan pemberhentian kerja tetap tidak diketepikan.

Amazon kini memberi tumpuan kepada pembangunan "ejen AI" - perisian yang mampu melaksanakan tugasan secara berdikari. Menurut Jassy, ejen ini boleh meringkaskan maklumat dari web dan sumber data, menulis perisian, menterjemah bahasa dan mengautomasikan pelbagai tugasan yang memakan masa.

"Ejen ini akan menjadi rakan sekerja yang boleh kita panggil pada pelbagai peringkat kerja," tambahnya sambil menggesa pekerja supaya bereksperimen dengan AI apabila berpeluang.

Kesan AI terhadap pasaran pekerjaan telah menjadi kebimbangan sejak sekian lama. Baru-baru ini, syarikat penstriman muzik terkemuka Spotify mengumumkan bahawa mana-mana pasukan yang memohon tambahan tenaga kerja perlu terlebih dahulu membuktikan bahawa AI tidak mampu menjalankan tugas berkenaan.

Pembangun aplikasi pembelajaran bahasa Duolingo pula merancang untuk secara berperingkat menggantikan pekerja luar dengan AI. - ©BERNAMA

## Singapura sahkan dua kes Zika di Woodlands

**SINGAPURA**, 19 Jun. - Agensi Alam Sekitar Kebangsaan (NEA) dan Agensi Penyakit Berjangkit (CDA) Singapura pada Khamis mengesahkan dua kes jangkitan Zika tempatan di kawasan Woodlands Street 11 dan Street 32.

Dalam satu hantaran di Facebook, NEA memaklumkan pihaknya memulakan pemantauan air sisa dan nyamuk di kawasan kediaman sekitar berikutan pengesanan kes berkenaan.

"Pemantauan yang dipertingkat ini menunjukkan isyarat berterusan kehadiran virus Zika di kawasan itu, menandakan kemungkinan berlakunya penularan tempatan," menurut hantaran itu.

NEA menasihati penduduk, terutamanya wanita hamil supaya melindungi diri daripada gigitan nyamuk dan memantau tahap kesihatan dengan rapi.

"Mereka yang mengalami simptom yang menyerupai jangkitan Zika digalakkan mendapatkan rawatan awal untuk diagnosis dan pengurusan sewajarnya," menurut NEA.

Dalam kenyataan berasingan, CDA memaklumkan bahawa simptom jangkitan Zika termasuk ruam, demam, sakit sendi, sakit otot, sakit kepala dan konjunktivitis.

Jangkitan semasa kehamilan boleh menyebabkan kecacatan kelahiran tertentu pada janin, termasuk komplikasi neurologi dan mikrosefali, iaitu keadaan apabila kepala bayi lebih kecil daripada saiz sepatutnya, menurut CDA. - ©BERNAMA

## Trump lihat peluang perjanjian perdagangan dengan Jepun

**KANANASKIS (Kanada)**, 18 Jun. - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada Selasa berkata masih wujud kemungkinan untuk mencapai perjanjian perdagangan dengan Jepun, susulan pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Jepun, Shigeru Ishiba di luar Sidang Kemuncak Kumpulan Tujuh (G7).

Bercakap kepada wartawan dalam penerbangan pulang ke AS menerusi pesawat Air Force One, Trump menyifatkan perbincangan dengan Ishiba sebagai perbualan yang sangat baik, meskipun tiada persetujuan dicapai berhubung dasar tarif Amerika Syarikat, menurut laporan agensi berita Kyodo.

"Orang Jepun memang tegas," kata Trump sambil menambah, "akhirnya, anda perlu faham bahawa kami hanya akan hantar satu surat yang menyatakan, 'Ini jumlah yang perlu dibayar, jika tidak, anda tak perlu berurusan dengan kami.' Tetapi masih ada peluang."

Pertemuan Trump-Ishiba pada Isnin itu diadakan selepas beberapa siri rundingan di peringkat menteri, dengan Jepun - sekutu utama AS - berusaha mendapatkan kelonggaran terhadap dasar perdagangan dan tarif oleh Washington. - ©BERNAMA

## Pelaburan minyak global dijangka susut 6 peratus kepada sekitar AS$420 bilion pada 2025

**MOSCOW**, 18 Jun. - Pelaburan minyak global dijangka menyusut sebanyak enam peratus kepada sekitar AS$420 bilion pada 2025 berikutan kejatuhan harga minyak dan iklim pelaburan yang tidak menentu, menurut laporan Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA) pada Selasa.

"Kejatuhan mendadak harga minyak pada awal 2025 dan iklim pelaburan yang tidak menentu telah mendorong eksekutif minyak di seluruh dunia menilai semula keutamaan sektor huluan mereka… pelaburan sektor huluan minyak dijangka merosot enam peratus kepada sekitar AS$420 bilion pada 2025, dengan penyusutan terbesar dilihat dalam kategori 'light tight oil' di Amerika Syarikat," menurut laporan itu.

IEA turut menjangkakan kapasiti pengeluaran minyak global akan meningkat sebanyak 5.1 juta tong sehari.

"Kapasiti pengeluaran minyak dunia dijangka meningkat sebanyak 5.1 juta tong sehari kepada 114.7 juta tong sehari menjelang 2030, diterajui oleh Arab Saudi dan Amerika Syarikat - jauh melebihi jangkaan peningkatan permintaan minyak global sebanyak 2.5 juta tong sehari," kata laporan itu. - ©BERNAMA

## Penggunaan RMB di luar pesisir China semakin meluas

**SHANGHAI**, 18 Jun. - China, selaku pengendali Sistem Pembayaran Rentas Sempadan Renminbi (CIPS) menganjurkan acara khas untuk mengukuhkan kerjasama antara sektor perbankan dan sektor korporat di sini hari ini.

Acara itu menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian kerjasama CIPS dengan enam institusi asing sebagai rakan kongsi secara langsung, termasuk Bangkok Bank (Thailand), Standard Bank, African Export-Import Bank (Afreximbank), First Abu Dhabi Bank (FAB), Eldik Bank Kyrgyzstan, dan United Overseas Bank (UOB).

Bangkok Bank diundang lagi untuk menghadiri majlis pelancaran terbabit.

Kerjasama itu menandakan urus niaga CIPS sudah menjangkau ke Afrika, Timur Tengah, Asia Tengah, dan Singapura yang mempunyai pusat Renminbi di luar pesisir China, melalui penglibatan rakan kongsi secara langsung, justeru penggunaan Renminbi dalam transaksi rentas sempadan dijangka menjadi semakin lancar dan meluas. - ©BERNAMA

# KEJOHANAN SEAKF KE-12 LABUH TIRAI




**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Rasmi Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-12 dan seterusnya bergambar ramai bersama para pemenang.**

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Khamis, 19 Jun. - Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-12, 2025 yang berlangsung selama tiga hari di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah melabuhkan tirainya hari ini sekali gus menyaksikan Viet Nam menggungguli kutipan carta pingat dengan 76 pingat keseluruhan, iaitu 28 emas, 31 perak dan 17 gangsa.

Sementara, Republik Indonesia pula meraih tempat kedua dengan mengumpul 44 pingat, iaitu 11 emas, sembilan perak dan 24 gangsa, diikuti dengan Thailand dengan 41 kutipan pingat, iaitu lapan emas, enam perak dan 27 gangsa.

Manakala negara tuan rumah, Negara Brunei Darussalam (NBD) berjaya memperoleh sembilan pingat keseluruhan dengan mengutip satu emas, satu perak dan tujuh gangsa.

Majlis Penutup Rasmi Kejohanan SEAKF Ke-12 berkenaan disempurnakan oleh Setiausaha Tetap (Kebudayaan) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku tetamu kehormat majlis yang juga menyempurnakan penyampaian pingat bagi Kategori Kata Junior Lelaki dan Kumite Senior Lelaki 60 Kilogram.

Presiden Persekutuan Karate Brunei Darussalam (BRUKAF), Pengiran Haji Yura Kesteria bin Pengiran Setia Negara (Dr.) Pengiran Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur dalam ucapannya menzahirkan rasa bangga dengan pencapaian atlet NBD kerana hasil yang telah diperoleh berkenaan mencerminkan potensi yang semakin berkembang di samping menandakan satu langkah penting ke arah pembangunan karate di negara ini.

"Ahli-ahli Jawatankuasa, para jurulatih dan para pengadil telah memperlihatkan dedikasi dan profesionalisme yang tinggi dalam memastikan setiap pertandingan diadili secara adil dan telus.

"Pada masa yang sama, para atlet juga telah mempamerkan semangat kesukanan yang cemerlang dan saling menghormati, menunjukkan kemahiran dan disiplin tahap tinggi dalam seni karate," ujarnya lagi.

Mewakili BRUKAF, beliau merakamkan setinggi penghargaan kepada semua yang terlibat dalam menyumbang dan menjayakan Kejohanan SEAKF Ke-12 kali ini dan berharap untuk berjumpa lagi pada Kejohanan SEAKF Kali Ke-13 di Viet Nam pada tahun hadapan.

Terdahulu sebelum Majlis Penutupan Rasmi, acara juga menyaksikan perlawanan akhir bagi Kategori Kumite Berpasukan Senior Lelaki (Senior Male Team Kumite) antara Malaysia dengan Viet Nam.

Penyerahan rasmi bagi acara kejohanan berkenaan disempurnakan oleh Pengiran Haji Mohd. Hasnan kepada Presiden Persekutuan Karate Viet Nam, Vu Son Ha selaku penganjur Kejohanan SEAKF Ke-13 akan datang.

Kejohanan SEAKF 2025 buat julung kalinya menghimpunkan lebih 400 atlet dari 10 negara Asia Tenggara, iaitu NBD, Viet Nam, Republik Indonesia, Thailand, Malaysia, Republik Filipina, Kemboja, Republik Singapura, Timor Leste, dan Republik Demokratik Rakyat Lao.

Kejohanan mempertandingkan kedua-dua acara Kata dan Kumite yang merentasi pelbagai peringkat umur dan kategori daripada Kadet 14 hingga 15 tahun, Junior 16 hingga 17 tahun, U21 dan Kategori Senior.







# Kursus tingkatkan taraf sukan angkat berat di NBD

**Oleh : Dk. Hajah Naqayatul Akma Pg. Haji Ali**
**Foto : Ihsan Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam**

**BERAKAS**, Khamis, 19 Jun. - Seramai 14 peserta termasuk pemenang pingat emas Sukan Olimpik Tokyo 2020, Hidilyn Diaz telah menyertai Kursus Teknikal Sukan Angkat Berat 2025 buat julung kalinya bertempat di Dewan Persidangan, Sekolah Sukan Kampung Pulaie.

Kursus anjuran Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam dengan sokongan daripada Jabatan Belia dan Sukan serta South East Asian Weightlifting Federation ini diadakan selama dua hari iaitu 19 Jun dan 20 Jun 2025.

Dua pensyarah berpengalaman iaitu Sirilak Thatman dari Thailand dan Tom Liaw dari Singapura telah mengendalikan kursus ini dan turut diselaraskan oleh Timbalan Presiden Persatuan Angkat Berat Kebangsaan Brunei Darussalam, Muhd. Hadi Dinie Abdul Rahman.



**ANTARA peserta yang mengikuti Kursus Teknikal Sukan Angkat Berat 2025 buat julung kalinya bertempat di Dewan Persidangan, Sekolah Sukan Kampung Pulaie (kanan dan bawah kiri).**

Hadir bersama dalam majlis pembukaan kursus tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengetua Bahagian Sukan, Sekolah Sukan, Aminuddin bin Jumat.

Antara objektif kursus diadakan adalah untuk meningkatkan taraf sukan angkat berat di Negara Brunei Darussalam melalui penganjuran kursus teknikal yang dilaksanakan di bawah seliaan Persekutuan Angkat Berat Asia Tenggara (South East Asian Weightlifting Federation) dengan bimbingan jurulatih yang bertauliah dan diiktiraf oleh Persekutuan Angkat Berat Antarabangsa (IWF).

Selain itu, bagi mewujudkan peluang kepada peminat sukan angkat berat untuk memperoleh pengetahuan asas dalam aspek pengadilan teknikal dan menyediakan platform bagi Ujian Pegawai Teknikal Kategori Kedua Antarabangsa (International Technical Official Category Two - ITO CAT 2), di mana peserta yang berjaya boleh memperoleh sijil dan berpeluang untuk dilantik sebagai pegawai teknikal dalam kejohanan seperti Sukan SEA dan kejohanan jemputan serantau.

Ia juga bagi menjayakan matlamat jangka panjang persatuan, iaitu untuk meningkatkan bilangan pegawai teknikal yang bertauliah IWF di negara ini.



PELITA BRUNEI

PELITA BRUNEI SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# KEJOHANAN TINGKATKAN PERSEFAHAMAN, KERJASAMA SECARA BERPASUKAN

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara yang juga selaku Penghulu Mukim Ukong hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kejohanan Badminton Bahagian-bahagian di bawah perkhidmatan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah (PMMPMHAMB), Tutong (kiri). Manakala gambar kanan, sekitar perlawanan berkenaan.

**TUTONG**, Jumaat, 20 Jun. - Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, (PMMPMHAMB), Tutong telah menganjurkan Kejohanan Badminton Bahagian-bahagian di bawah perkhidmatan Hospital PMMPMHAMB, Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Ma'had Islam Brunei, di sini.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kejohanan Badminton tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial@ Tekpin bin Ya'akub, Penghulu Mukim Ukong.

Kejohanan tersebut dimulakan dengan sesi pengenalan bersama peserta-peserta finalis, diikuti dengan perlawanan peringkat akhir.

Pada Majlis Penutup Kejohanan Badminton tersebut menyaksikan perlawanan antara Pasukan Tersalah Smash 'A' dari Bahagian Pentadbiran, Keugamaan dan Makmal yang berjaya menewaskan Pasukan Mambang 1 dari Pusat Kesihatan Tutong dengan kiraan 2 - 0.

Majlis diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah-hadiah kepada empat pasukan teratas. Peserta Kejohanan Badminton terdiri daripada pegawai dan kakitangan bahagian-bahagian di bawah hospital berkenaan.

Turut hadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif hospital berkenaan, Dayang Hajah Siti Hasrainah binti Haji Hassan, ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

Antara tujuan kejohanan tersebut ialah bagi menggalakkan pegawai dan kakitangan di Hospital PMMPMHAMB, Tutong untuk bergiat cergas dan aktif dalam aktiviti-aktiviti sukan, di samping untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama secara berpasukan dalam kalangan pegawai dan kakitangan.

Selain itu, ia juga bagi menyahut dan menyokong visi Kementerian Kesihatan 'Bersama Ke Arah Warga Sihat' dan mengeratkan hubungan silaturahim dan kerjasama antara pegawai dan kakitangan hospital berkenaan dan bagi mencari pemain-pemain baharu bagi mewakili Hospital PMMPMHAMB, Tutong dalam perlawanan Kejohanan Badminton anjuran Kementerian Kesihatan yang akan datang.

# Atlet baharu berpengalaman bawa cabaran skuad terjun negara pada kejohanan dunia

**KUALA LUMPUR**, 19 Jun. - Pemenang pingat gangsa acara tiga meter (m) papan anjal, Nurqayyum Nazmi Mohamad Nazim antara muka baharu yang disenaraikan Renang Malaysia (MS) pada Kejohanan Akuatik Dunia 2025 di Singapura, dari 11 Julai hingga 3 Ogos ini.

Selain Nurqayyum Nazmi yang melakar kejayaan pada Kejohanan Terjun Remaja Dunia di Rio de Janeiro, Brazil tahun lepas, MS turut menyenaraikan empat penerjun lelaki iaitu Enrique Maccartney Harold, Elvis Priestly, Yong Rui Jie dan Muhammad Syafiq Puteh bersama-sama dua atlet wanita Pandelela Rinong dan Lee Yiat Qing.

Pengarah Teknikal Skuad Terjun Kebangsaan, Yeoh Ken Nee berkata kesemua atlet itu dipilih selepas mereka berjaya melepasi skor kelayakan minimum (MQS) yang ditetapkan dalam acara masing-masing.

"Kini semuanya berdasarkan data. Jadi, kalau penerjun kita tak capai MQS yang ditetapkan, kita tidak akan hantar mereka sebab sekarang Majlis Sukan Negara (MSN) nak keputusan.

"Sekarang ini tidak macam dulu, pergi kejohanan dunia bukan sekadar kutip pengalaman tetapi membuktikan anda berharga kepada negara anda," katanya pada sidang media MS di Pusat Akuatik Nasional di sini hari ini.

Dalam pada itu, Ken Nee meletakkan sandaran kepada gandingan Pandelela dan Yiat Qing yang beraksi dalam acara 10m platform seirama wanita untuk menyumbang pingat pada kejohanan itu.

"Sekarang ini kita masih letak harapan dekat seirama 10m Pandelela-Yiat Qing. Itu harapan utama kita.

"Yiat Qing juara 10m platform pada Sukan SEA lepas. Jadi, kita percaya pengalaman itu cukup untuk bantu dia beri saingan," katanya.

Pada edisi yang berlangsung di Doha, Qatar sebelum ini, atlet Malaysia tidak meraih sebarang pingat dalam acara yang disertai mereka.

Kali terakhir Malaysia memenangi pingat adalah pada 2022 yang berlangsung di Budapest, Hungary apabila meraih dua gangsa dalam acara 10m platform individu dan seirama wanita menerusi Pandelela dan Nur Dhabitah Sabri. - ©BERNAMA

## Tahukah Awda

**PENGAWASAN** Kejiranan Kampung (PKK) yang pertama ditubuhkan di Kampung Madang, Daerah Brunei dan Muara pada 28 April 1989 dirasmikan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Haji Omar bin Pengiran Dato Paduka Penghulu Haji Apong selaku Pesuruhjaya Polis ketika itu. Projek sukarela ini ditubuhkan bertujuan untuk memupuk semangat kejiranan, menimbulkan perasaan tanggungjawab di kalangan penduduk kampung, terutama sekali dalam mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam kampung dan sekitarnya.

**Sumber :** *www.polis.gov.bn.*